



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
Senate

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Parliament*  
KETUJUH

**PENGGAL KETIGA**  
Session Third

---

**Jilid III**

**Bil. 3**

**Hari Rabu**

**29hb Mac 1989**

---

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong - Y.B. Pandikar Amin Haji Mulia**

**(Ruangan 40)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Rabu, 29hb Mac, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**HUTANG NEGARA**

1. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kedudukan ekonomi negara sudah beransur baik, bolehkah Y.B. Menteri Kewangan memberitahu kedudukan hutang negara kita berbanding dengan hutang negara-negara yang setaraf dengan kita.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Bank Dunia telahpun membuat klasifikasi terhadap negara-negara mengikut GNP per kapita sesebuah negara. Mengikut klasifikasi ini, Malaysia adalah dalam ketegori "upper middle-income" yang setaraf dengan negara-negara seperti Brazil, Hungary, Mexico, Argentina, Korea, Venezuela dan lain-lain.

Memandangkan bahawa kedudukan ekonomi negara yang berbeza-beza, adalah tidak wajar perbandingan dibuat atas asas jumlah hutang. Pada umumnya kedudukan beban hutang sesuatu negara dikira mengikut nisbah khidmat hutang. Nisbah ini adalah penting untuk memastikan pendapatan negara berupaya menanggung beban hutang tersebut. Perbandingan nisbah khidmat hutang negara kita dengan negara-negara yang setaraf ialah seperti berikut:

Negara	Nisbah Khidmat Hutang
Malaysia	14.3
Brazil	26.7
Hungary	26.7
Mexico	30.1
Korea	21.9
Argentina	45.3
Venezuela	22.4

Mengikut perbandingan tersebut kedudukan hutang negara kita adalah lebih baik daripada negara-negara yang setaraf dengannya.

Jika diambil kira kedudukan nisbah khidmat hutang bagi negara-negara ASEAN pula untuk tahun 1977, keadaannya adalah seperti berikut:

Negara	Nisbah Khidmat Hutang
Malaysia	14.3
Brunei	Tidak ada
Indonesia	27.9
Filipina	22.7
Singapura	1.4
Thailand	45.3

Mengikut perbandingan tersebut kedudukan hutang negara kita adalah sederhana antara negara-negara ASEAN.

Untuk makluman AhLi Yang Berhormat, hutang-hutang ini adalah meliputi juga hutang sektor awam dan hutang yang dijamin oleh Kerajaan.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, berdasar kepada pertumbuhan ekonomi sekarang bila agaknya hutang negara ini dapat diselesaikan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu umum dan kita perlu mengambil kira kedudukan ekonomi seluruhnya. Oleh kerana sedemikian, maka saya perlu untuk mendapatkan notis daripada Yang Berhormat untuk menjawab.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, walaupun negara ini masih mempunyai hutang luar, apakah peluang untuk negara ini meminjam masih cerah?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, Jika sekiranya saya tafsir soalan dengan betul, adakah Yang Berhormat bertujuan untuk bertanya berkenaan dengan "credit worthiness" negara kita. Jika sekiranya soalan itu bertujuan untuk bertanya berkenaan dengan "credit worthiness" negara kita, maka jika kita ambil kira perkara tersebut kriteria yang memberi gambaran yang lebih realistik telahpun saya jelaskan daripada awal. Jadi, kalau sekiranya dikira daripada nisbah 'debt ratio' itu tadi, iaitu 14.3%, negara kita mempunyai "credit worthineas" yang agak baik dan tinggi.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam setahun berapakah jumlah bayaran balik hutang negara kita?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diperlukan oleh Yang Berhormat itu saya boleh beri sekarang, tetapi panjang sedikit.

Mengenai soal hutang, ada penerangan yang seterusnya. Tetapi untuk menjawab secara umum, bolehlah saya katakan di sini bahawa Kerajaan kita sekarang ini telah membuat pre-payment, dengan izin, untuk mengurangkan hutang kita di luar negeri dan pre-payment ini telah sedikit sebanyak membawa faedah kepada kedudukan kewangan negara kita sekarang.

**PEKERJA LADANG RAKYAT MALAYSIA**

2. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memelihara kepentingan pekerja-pekerja ladang yang memiliki kerakyatan Malaysia daripada apa yang dipanggil ancaman oleh pekerja-pekerja tanpa izin. Ini adalah kerana pekerja-pekerja tanpa izin ini sedia bekerja untuk pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan pekerja-pekerja rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat disahkan bahawa pekerja-pekerja tanpa izin di negara ini sedia bekerja dengan pendapatan yang lebih rendah. Rekod-rekod mengenai perkara ini tidak mudah diperolehi. Walau bagaimanapun, dakwaan bahawa pada keseluruhannya para pekerja tempatan terancam dari segi pendapatan kerana pekerja-pekerja tanpa izin bersedia bekerja dengan gaji yang lebih rendah adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja di ladang-ladang besar diperlindungi di bawah perjanjian bersama yang ditandatangani di antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW).

Sebagai langkah untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja tempatan, Kerajaan telah memutuskan supaya tuan empunya ladang yang menggaji pekerja-pekerja asing dikehendaki mendaftar pekerja-pekerja berkenaan dengan Jabatan Imigresen dengan tujuan diberi taraf sebagai pekerja yang digajikan secara sah. Seterusnya majikan-majikan dikehendaki menandatangani satu kontrak perkhidmatan dengan pekerja-pekerjanya. Di bawah syarat kontrak perkhidmatan ini majikan-majikan dikehendaki membayar gaji dan pemberian faedah-faedah yang sama kepada pekerja-pekerja asing sepertimana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja tempatan. Kontrak perkhidmatan ini adalah berkuat-kuasa di bawah undang-undang buruh yang berkenaan.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dalam keadaan kesempatan ini, setengah-tengah majikan mengambil kesempatan tidak menerima anak tempatan untuk bekerja di ladang dan mengambil buruh-buruh asing tanpa izin. Kadangkala terdapat juga majikan ini tidak memberi layanan yang baik kepada buruh-buruh asing ini dengan kadang-kadang tidak membayar gaji mereka dan berlakulah berbagai-bagai masalah. Apakah Kementerian sedar? Kalau Kementerian sedar, apakah langkah yang akan diambil dan, kalau tidak, apakah cara untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan ini tidak mungkin berlaku kerana Kementerian akan memastikan bahawa bagi ladang-ladang yang tidak mempunyai pekerja-pekerja tempatan barulah diambil pekerja-pekerja asing. Keadaan kelulusan ini sangatlah ketat di mana syarat ini ialah jika tidak ada betul-betul pekerja tempatan baru diambil pekerja asing. Selagi ada pekerja tempatan tidak akan dibenarkan langsung pekerja asing bekerja di mana-mana ladang. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kebenaran juga akan dipertimbangkan bagi tempat yang jauh dan yang terpencil yang tidak mungkin bagi pekerja tempatan berminat. Jadi, pendaftaran ini bukanlah satu kelonggaran tetapi sebenarnya atas kepentingan negara dari segi pengeluaran hasil-hasil bahan utama kita,

Menjawab bahagian kedua soalan ini, aelama ini mungkin ada terjadi, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat, tetapi sekarang ini bila kita adakan pendaftaran, ini merupakan satu langkah untuk membaiki keadaan ini. Dengan pendaftaran mereka ini maka kita dapat tahu di mana mereka berada dan kita akan dapat mengatasi masalah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada-kemungkinan kita juga mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di ladang-ladang jika sekiranya pekerja di sini tidak ada. Cuma saya hendak tahu atau memastikan. sama ada perlantikan ataupun pengambilan pekerja-pekerja ini adalah melalui agensi-agensi yang diiktirafkan oleh Kerajaan dan. syarat-syarat ketat dikenakan kepada agensi-agensi ini. Ini soalnya.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kita meminta supaya majikan ladang itu yang mahu pekerja-pekerja asing ini mendaftar dan memohon kepada Jabatan Imigresen. Jadi itu dasarnya. Kemudian, sama ada agensi pekerjaan dibenarkan, itu terpulanglah kepada keadaan tetapi dasarnya kita membenarkan ataupun meminta majikan ladang yang mohon. Kalau mereka mewakili agensi, itu terpulanglah kepada keadaan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri berkenaan, berapa lamakah tempoh yang diberi mengikut syarat-syarat yang dibuat oleh Kerajaan kepada pekerja-pekerja asing ini? Itu pertama. Yang kedua, tidakkah ada pekerja-pekerja asing iai terus-menerus menjadi rakyat negara ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak mungkin. akan berlaku kerana disyaratkan pekerja-pekerja ini boleh bekerja selama tiga tahun sahaja kerana permit mereka hanya untuk tiga tahun. Selepas itu, adalah tanggungjawab majikan untuk menghantar balik pekerja ini ke negara asal.

**KEBOCORAN GAS AMMONIA DI MELAKA**

**3. Puan Aion. binti Ariffin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah segera yang telah diusahakan bagi mengatasi kejadian gas merbahaya yang bocor yang sering berlaku di negara ini seperti kejadian kebocoran gas ammonia di Melaka baru-baru ini, kerana kejadian-kejadian serupa ini boleh mengakibatkan kematian dan penderitaan jangka panjang kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

**4.4.89**

**10. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan-tindakan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berlakunya peristiwa seperti kebocoran gas ammonia di Tangga Batu, Melaka.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab aolan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Valli Muthusamy untuk 4hb April 1989 oleh kerana kedua-dua soalan ini menyentuh hal yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kejadian kebocoran gas berbahaya yang kadangkala berlaku di negara ini, Jabatan Alam Sekitar telah menghendaki industri-industri yang menggunakan gas berbahaya mengadakan satu Pelan Tindakan Kecemasan sendiri atau 'Emergency Response Plan' supaya mereka sentiasa bersedia menghadapi sebarang kejadian kebocoran gas berbahaya semasa mengendalikan perusahaan masing-masing, Pelan ini sepatutnya mengandungi butir-butir mengenai segala tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesan kepada orang ramai dan alam sekeliling akibat daripada kebocoran seumpama itu.

Jika sesuatu kemalangan berlaku, pihak pekilang dikehendaki dengan serta-merta menghubungi pihak-pihak berkuasa seperti Polis, Jabatan Perkhidmatan Bomba yang terdekat dan Jabatan Alam Sekitar untuk melaporkan kejadian yang telah berlaku serta mengambil segala tindakan atau langkah-langkah di dalam Pelan Tindakan Kecemasannya. Selepas kejadian itu, pekilang yang berkenaan perlu mengadakan satu laporan lengkap yang menerangkan satu persatu kejadian dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kejadian itu. Laporan itu juga akan menggariskan kelemahan-kelemahan Pelan Tindakan Kecemasannya jika ada untuk diperbaiki bagi penggunaan pelan tersebut di masa akan datang.

#### SYARIKAT INSURANS

4. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) jumlah syarikat insurans yang di bawah siasatan Bank Negara; dan
  - (b) apakah masalah utama yang dihadapi oleh syarikat insurans dan apakah cara penyelesaian yang dibuat oleh Bank Negara.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan. Yang di-Pertua, uatuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga 28hb Februari, 1989, sebanyak 16 buah syarikat insurans telah diperiksa oleh Bank Negara. Pemeriksaan ini adalah merupakan amalan biasa Bank Negara Malaysia bagi memenuhi tanggungjawabnya sebagai pengawas syarikat-syarikat insurans di negara ini.

(b) Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh syarikat insurans adalah sebagai berikut:-

- (i) Kualiti pengurusan yang lemah di mana sebilangan pegawai utama dan pegawai eksekutif syarikat-syarikat insurans diberi kuasa pengurusan yang luas oleh Lembaga Pengarah syarikat mereka. Ini menyebabkan berlakunya kawalan yang longgar dan memberi kesempatan kepada mereka untuk menyalahgunakan kuasa tersebut dengan melakukan amalan-amalan bagi kepentingan diri sendiri.

- (ii) Kelemahan kawalan ke atas ejen-ejen setengah-setengah syarikat insurans terutamanya berhubung dengan komisyen yang dibayar dan tempoh kredit bagi meremit premium yang dikumpulkan.
- (iii) Peruntukan yang tidak mencukupi untuk tuntutan, terutamanya dalam insurans motor di mana nisbah tuntutannya adalah tinggi.
- (iv) Penyimpanan rekod yang lemah di mana mutu rekod bagi setengah-setengah syarikat insurans adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan.
- (v) Kekurangan modal dan tenaga profesional.

Sebagai usaha mengatasi masalah-masalah itu, syarikat-syarikat insurans berkenaan telahpun diarahkan supaya meningkatkan lagi mutu pengurusan mereka dan memberhentikan amalan-amalan yang tidak sihat. Mereka juga telah diminta menambah modal mereka ke paras yang munasabah serta meningkatkan kepakaran mereka. Bagi amalan-amalan yang dianggap menyeleweng dan melanggar Akta Insurans, 1963, Bank Negara telahpun melaporkan perkara ini kepada Polis untuk tindakan mereka selanjutnya.

#### MAS - JUMLAH PESAWAT

5. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:
- (a) berapa banyakkah kapal terbang dimiliki oleh MAS sekarang dan jenis-jenisnya;
  - (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh MAS untuk menguji "air trustworthiness" (kepercayaan udara) Boeing 747 berikutan dengan nahas-nahas kapal terbang yang melibatkan Boeing 747 baru-baru ini; dan
  - (c) langkah-langkah yang diambil oleh MAS untuk mengelakkan sebarang kemalangan akibat kerosakan mekanikal.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Penerbaagan Malaysia (MAS) pada masa sekarang mempunyai jumlah sebanyak 37 pesawat. Jenis-jenis pesawat ini adalah seperti berikut:-

(i)	B747	-	3
(ii)	DC10	-	3
(iii)	Airbus	-	4
(iv)	B737	-	12
(v)	Pokker 27	-	11
(vi)	Twin Otter	-	4
	Jumlah:		37

(b) Berikutan dengan nahas-nahas kapalterbang yang melibatkan pesawat-pesawat jenis Boeing, MAS telahpun menjalankan beberapa pemeriksaan menyeluruh ke atas pesawat-pesawat Boeing 747 dan Boeing 737 keupayaannya untuk menentukan pesawat-pesawat tersebut berada dalam keadaan baik dan selamat bagi penerbangan. Hasil pemerikaaan itu telah menunjukkan bahawa pesawat-pesawat MAS yang berkenaan itu adalah berada dalam keadaaa selamat dan sempurna untuk digunakan.

(c) Kerajaan dan MAS senciassa memberi perhatian yang berat bagi menentukan supaya semua pesawat pesawat MAS adalah sentiasa berada dalam keadaan baik dan memuaskan dari segi keselamatan penerbangan. Dalam hal ini adalah menjadi amalan MAS

untuk menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan ke atas serau pesawat-pesawatnya pada setiap masa. Prosedur ini merupakan langkah keperluan yang diadakan secara berterusan atau, dengan izin, 'on-going' dan tidak dijalankan hanya apabila terdapat kejadian kemalangan ataupun masalah-masalah teknikal yang melibatkan pesawat-pesawat jenis yang sama, sama ada dari MAS atau kepunyaan syarikat-syarikat penerbangan lain.

#### **PROGRAM KERJASAMA PENERBANGAN ANGKASA LEPAS**

**6. Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerangkan sejauh manakah projek menghantar saintis Malaysia ke angkasa dengan bantuan Russia telah dimajukan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, satu rombongan dari Russia telah mengadakan perbincangan mengenai program kerjasama penerbangan angkasa lepas Malaysia-USSR dengan Jawatankuasa Perunding yang terdiri daripada wakil-wakil dari beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan pada 25hb hingga 29hb Oktober, 1988. Jawatankuasa Perunding telah dimaklumkan bahawa pihak USSR mengenakan bayaran sebanyak US\$10 juta bagi Malaysia menyertai program ini. Di samping itu pula, Malaysia juga dikehendaki menanggung kos tempatan. Jumlah kos bagi penyertaan Malaysia dalam program ini dianggarkan sebanyak \$32 juta. Memandangkan kos yang begitu tinggi, maka Kerajaan telah menetapkan bahawa Malaysia belum bersedia untuk menyertai program kerjasama penerbangan angkasa lepas pada masa ini.

**DASAR EKONOMI BARU - KESAN ATAS PERPADUAN**

7. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Perdana Menteri menyatakan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Jabatannya mengenai kesan DEB ke atas perpaduan negara sejak ia dilancarkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang serupa itu (berkaitan dengan DEB dan Perpaduan Negara) ada dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) di Jabatan Perdana Menteri. Kajian ini telah dijalankan dan pada masa ini pada peringkat penulisan Draf Laporan. Draf Laporan ini pula perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal untuk penulisan Draf Laporan Akhir dan perlu pula diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu sebelum menjadi Laporan Akhir.

**PENYELUDUPAN DI SEMPADAN KELANTAN-THAILAND**

8. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah tindakan-tindakan anti penyeludupan di sepanjang sempadan Kelantan-Thailand berjaya setakat ini;
- (b) apakah kesan-kesan negatif kepada mata pencarian penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat itu; dan
- (c) memandangkan kelembapan ekonomi negeri Kelantan kini, apakah rancangan-rancangan alternatif Kerajaan untuk menolong mereka yang terlibat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan anti penyeludupan yang dijalankan di sepanjang sempadan Kelantan-Thailand telah mendatangkan kejayaan di mana hasil kutipan cukai ke atas barangan yang dibawa masuk, nilai barangan yang dirampas dan kompaun yang dikenakan bertambah dari setahun ke setahun.

Tindakan tegas pihak Kerajaan memerangi penyeludupan tidak mendatangkan kesan negatif kepada penduduk setempat kerana jumlah yang terlibat adalah terlalu kecil bilangannya.

Oleh kerana jumlah yang terlibat adalah kecil bilangannya, maka tidak ada rancangan alternatif Kerajaan untuk membantu golongan tersebut.

**PENSWASTAAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

**9.** **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah pihak Kerajaan hanya menswastakan badan-badan yang untung ataupun menampakkan untung sahaja.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa Kerajaan hanya akan menswastakan badan-badan atau agensi-agensi yang menguntungkan sahaja. Dasar Kerajaan mengenai perkara ini adalah jelas iaitu untuk menswastakaa semua agensi yang terlibat dalam bidang komersial dan industri. Dalam usaha untuk menswastakan agensi—agensi **ini**, Kerajaan tidak mengambil kira sama ada agensi itu memperolehi keuntungan ataupun mengalami kerugian. Agensi yang untung akan dijual dengan nilai premium, manakala agensi yang rugi akan dijual dengan diskaun. Adalah diharapkan pihak swasta yang mengambilalih agensi Kerajaan yang sudahpun memperolehi keuntungan dapat meningkatkan lagi keuntungan **itu**. Kerajaan bukan sahaja akan memperolehi pendapatan di atas penjualan agensi ini, tetapi juga Kerajaan akan dapat hasil dari kutipan cukai korporat.

Bagi agensi yang mengalami kerugian pula, adalah diharapkan melalui kepakaran pengurusan yang dipunyai oleh pihak swasta akan dapat memulihkan agensi itu dan seterusnya membuat keuntungan. Kerajaan setelah menswastakan agensi-agensi ini akan dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung sekarang.

**SYARIKAT INSURANS - PENYELEWENGAN**

**10. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kewangan menyatakan. selepas siasatan Bank Negara, adakah sebarang penyelewengan dikesan berlaku di Syarikat-syarikat Insurans,

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya jawab awal tadi, sehingga 28hb Februari, 1989 sebanyak 16 syarikat insurans telah diperiksa oleh Bank Negara Malaysia. Dalam pemeriksaan itu, beberapa amalan yang dianggap menyeleweng dan melanggar Akta Insurans, 1963 telahpua dikesan oleh Bank Negara Malaysia dan perkara ini telahpun dilaporkan kepada pihak Polis untuk tindakan mereka selanjutnya. Jenis penyelewengan dan nama institusi-institusi yang terlibat tidak dapat didedahkan kerana pemeriksaan yang dibuat adalah secara rahsia.

**Tuan Tan Chai Ho:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia dimaklumkan bahawa modal atau *capital*, dengan izin, setengah-setengah syarikat insurans semakin berkurangan oleh kerana mengalami kerugian besar. Oleh itu saya ingin. tahu apakah tindakan yang telah diambil untuk menyelamatkan syarikat-syarikat insurans ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi salah satu daripada langkah Bank Negara ataupun Kerajaan ialah untuk meminta syarikat-syarikat yang modalnya rendah untuk mempertingkatkan modal mereka.

**DASAR WANITA NEGARA**

**11. Tuan Azumu bin Tak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Dasar Wanita Negara yang sedang digubalkan akan dibincangkan di dalam Parlimen, sebelum diterima oleh Kerajaan dan jika ada, bilakah Dasar tersebut akan dibentang di dalam Dewan ini.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wanita Negara ini adalah merupakan sebagai satu rancangan bertindak strategi-strategi yang mempunyai garis panduan serta program-program yang hendak dimasukkan di dalam peruntukan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mengenai kemajuan wanita seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kebajikan, Masyarakat, sebagai contoh.

Pada tahap sekarang memang ada pandangan dan pemikiran daripada berbagai pihak. Kerajaan sedang mengkajinya dan akan menyediakan cadangan yang sesuai.

**PEGAWAI PENERANGAN - TARAF**

**12. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah apa-apa cadangan Kementerian untuk menaikkan taraf kumpulan Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan. Setahu saya masih ramai Pegawai Penerangan bertaraf rendah tidak sama dengan jabatan, lain dan Pegawai-pegawai Penerangan adalah menjadi tulang-tulang belakang Kerajaan pemerintahan sekarang.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar bahawa ada jawatan-jawatan di Jabatan Penerangan yang tarafnya adalah agak rendah jika dibandingkan dengan taraf pegawai-pegawai dari perkhidmatan lain yang bertugas di peringkat negeri dan daerah. Pegawai-pegawai Penerangan di peringkat negeri diberi taraf A9 hingga A12 manakala Pegawai-pegawai Penerangan Daerah pula adalah dalam kategori C dengan hanya sebilangan kecil sahaja dalam kategori B. Oleh itu taraf mereka adalah tidak seimbang dengan pegawai-pegawai perkhidmatan lain yang bertugas di peringkat negeri, manakala pegawai dalam perkhidmatan lain yang menjadi ketua di peringkat daerah pula banyak yang berada di bawah kategori A Tingkatan Biasa, Tingkatan Kanan ataupun Tingkatan Tertinggi.

Kementerian telahpun berusaha untuk membetulkan kedudukan ini dan beberapa jawatan Pegawai Penerangan Negeri telah dinaikkan taraf masing—masing ke taraf Tingkatan A Biasa, Kanan atau ke Tingkatan Tertinggi G, manakala beberapa jawatan Pegawai Penerangan Daerah telah dinaikkan ke kategori B.

Satu cadangan untuk memperbaiki lagi keadaan itu telahpun dikemukakan kepada Kerajaan dan masih dalam peringkat perbincangan. Oleh kerana kenaikan taraf pegawai Kerajaan kategori C kepada kategori B dan A adalah melibatkan syarat-syarat kelulusan akademik tertentu dan latihan-latihan profesional yang diiktirafkan oleh Kerajaan, maka usaha untuk menaikkan taraf Pegawai-pegawai Penerangan Daerah dari kategori C ke kategori B dan A perlulah dikaji dengan lebih mendalam terlebih dahulu. Perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak JPA.

#### HOSPITAL BARU DI DAERAH-DAERAH

**13. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa buah hospital baru akan didirikan mengikut daerah-daerah di Negeri Sembilan Darul Khusus dan bila akan didirikan.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew**

**Pehl:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan dua buah Hospital Daerah telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi Negeri Sembilan Darul Khusus, iaitu Hospital Daerah Baru Kuala Pilah dan Hospital Daerah Baru Port Dickson. Di antara kedua-dua hospital ini, hanya Hospital Daerah Kuala Pilah telah diberi peruntukan sebanyak \$1.1 juta untuk memulakan pembinaan pada tahun 1990. Peruntukan untuk membina Hospital Daerah Port Dickson sedang diaturkan sekarang.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan apakah faktot-faktor yang dipertimbangkan oleh Kerajaan apabila hendak

membuka sesuatu hospital daerah baru dan juga diharap Yang Berhormat dapat memberitahu Dewan yang mulia ini bilangan hospital daerah dan hospital besar yang ada sekarang bagi setiap negeri dalam negara kita ini.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua; faktor utama yang diberikan pertimbangan ialah keperluan sesuatu daerah itu dan yang kedua, dari segi kedudukan kewangan Kerajaan.

Untuk menjawab soalan yang kedua tentang bilangan hospital daerah, saya tidak mempunyai angka untuk tiap-tiap negeri tetapi untuk seluruh negara kita mempunyai 15 buah hospital besar dan 79 hospital daerah. Di samping itu kita juga ada pusat kesihatan sebanyak 469 buah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sebagaimana yang diterangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, apakah definisi "keperluan" yang disebutkan itu. Adakah bergantung kepada kedudukan penduduk ataupun keuzuran bangunan-bangunan yang ada?

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sesuatu daerah itu sudah mempunyai hospital daerah maka kita akan meningkatkan perkhidmatan itu dari segi mutu. Misalnya, kalau alat-alat itu terlalu tua, terlalu uzur, kita akan menggantikan alat-alat yang lama itu. Kalau sesuatu tanpat itu katakanlah tidak ada pusat kesihatan, dan berdasarkan kepada prinsip yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan iaitu bagi jumlah penduduk seramai 15,000 hingga 20,000 orang, maka Kerajaan akan membina sebuah pusat kesihatan. Bagi sesuatu kawasan misalnya yang mempunyai penduduk seramai kira-kira 2,500 hingga 4,000 orang maka Kerajaan akan menimbangkan untuk membina Klinik Desa.

**KAWALAN PENGALIRAN KELUAR MODAL**

**14. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada golongan tertentu di kalangan rakyat Malaysia aejak akhir-akhir ini telah membawa keluar begitu banyak wang dari negara ini dan menyimpannya di negara-negara lain, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membendungnya serta kawalan pengaliran keluar modal ke negara asing.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan sistem pasaran bebas dan pertukaran asing yang liberal. Oleh itu permastautin di Malaysia adalah bebas untuk membawa masuk modal ke Malaysia ataupun mengeluarkan modal daripada Malaysia bagi tujuan urusan perniagaan dan pelaburan. Oleh itu persoalan mengeluarkan wang dari negara ini sama ada daripada kalangan rakyat Malaysia mahupun daripada kalangan rakyat asing yang bermastautin di Malaysia adalah amalan biasa kerana pada sesuatu masa dalam aktiviti ekonomi, ada terdapat pengaliran keluar modal ataupun kemasukan modal untuk tujuan yang dinyatakan di atas. Rakyat Malaysia ada dibenar untuk melabur di luar negeri sama ada membeli saham ataupun harta yang tak bergerak ataupun, dengan izin, immovable property dengan syarat pelaburan itu tidak dibiayai dari pinjaman dari Malaysia.

Anggaran pengaliran keluar modal menunjukkan bahawa banyak bayaran dan bayaran awal terhadap hutang luar telah dibuat oleh sektor awam dan swasta. Walau bagaimanapun, ini diimbangi (offset) dengan aliran masuk bersih modal oleh pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu sistem kawalan pertukaran asing yang liberal seperti yang diamalkan sekarang ini adalah baik untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia. Walaupun sistem ini membenarkan aliran keluar modal, Kerajaan tidak dapat menghalangnya. Tetapi dengan adanya dasar ekonomi yang menggalakkan pertumbuhan ia dapat membantu mengurangkan aliran keluar modal tersebut.

**YANG DI-PERTUA MAJLIS DAERAH/PERBANDARAN**

**15. Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tidakkah ada dalam perancangan pihak Kementerian agar menguatkuasakan jawatan Yang DiPertua Majlis Daerah/Perbandaran hendaklah dilantik di kalangan ahli-ahli politik (pemerintah).

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah cukup memberi kuasa kepada Penguasa-penguasa Negeri atau dengan kata lain Kerajaan Negeri bagi melantik ahli-ahli politik atau, siapa sahaja yang layak dan mampu untuk memegang jawatan Yang DiPertua Majlis Perbandaran atau Majlis-majlis Daerah. Setakat ini 2 buah negeri, Terengganu dan Kelantan telahpun melantik ahli-ahli politik menjadi Yang DiPertua-Yang DiPertua Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Daerah, manakala lain-lain negeri telah melantik ahli-ahli politik menjadi Yang DiPertua Majlis-majlis Perbandaran. Setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum bercadang untuk menggunakan kuatkuasa bagi mengarahkan Penguasa-penguasa Negeri untuk melantik ahli-ahli politik menjadi Yang DiPertua Majlis-majlis Perbandaran dan Penguasa-penguasa Tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Tuan Hassan bin Harun.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpuas hati setakat ini dengan prestasi ahli-ahli politik mengendalikan Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Tempatan di negeri-negeri yang tersebut tadi?

**Dato' Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yakin bahawa Penguasa-penguasa Kerajaan Negeri lebih arif daripada yang lain di dalam masalah untuk menyerahkan tugas-tugas mentadbir Penguasa-penguasa Perbandaran dan Tempatan. Oleh yang demikian, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah melantik ahli-ahli politik iaitu khususnya bagi negeri Kelantan dan juga Terengganu, setakat ini menimbulkan sebarang masalah bahkan kita yakin, kita percaya keadaannya lebih dapat mencapai matlamat yang dikehendaki berlandaskan kepada pengwujudan Kuasa-kuasa Tempatan dan Perbandaran.

**Tuan G. Rajoo:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan tugas-tugas Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran, tempoh hari demi hari, bolehkah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menggubal undang-undang tambahan bilangan ahli-ahli Majlis Daerah ini daripada 22 kepada satu bilangan yang munasabah?

**Dato' Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ahli-ahli Majlis Daerah tidak 22, tetapi 24. Soal menambah atau mengurangkan, itu adalah perkara biasa, terpulang kepada keadaan seraasa. Jika difikirkan keadaan memerlukan untuk ditambah maka

tidak ada sesuatu yang menghalang kita boleh tambah, dan kalau memerlukan untuk dikurangkan, kita kurangkan.

#### KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

**16. Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memproseskan permohonan-permohonan seperti berikut:-

Kebanyakan pemohon Kewarganegaraan Malaysia dikehendaki menunggu selama daripada 10 tahun ke 15 tahun. Di antara pemohon-pemohon ada separuh telah duduk di negara ini lebih daripada 20 tahun. Patutlah mereka diberi keistimewaan ini jika mereka telah mengaku Malaysia negara mereka.

**Tuan Law Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah ini ada satu pekataan minta dibetulkan 'mengadu' kepada 'mengaku'. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara kewarganegaraan ini selalu sangat menjadi isu maka eloklah saya memberi penerangan yang jelas terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan terdapat beberapa perkara untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia. Di antaranya ialah:-

1. Kewarganegaraan dengan cara Pendaftaran yang diperuntukkan kepada isteri dan anak warganegara:
  - (a) di bawah Perkara 15 - seseorang perempuan yang bersuamikan warganegara berhak didaftarkan sebagai seorang warganegara dengan

syarat ia telah bermastautin tetapp sepanjang tempoh dua tahun dan berkelakuan baik.

- (b) di bawah Perkara 15(2) - permohonan kewarganegaraan seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun di mana salah seorang daripada ibu, bapa atau penjaganya atau masa kematiannya adalah seorang warganegara.
- (c) Perkara 15(3) - permohonan kewarganegaraan bagi seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun yang telah dilahirkan sebelum permulaan bulan Oktober 1962 dan bapanya atau masa kematiannya warganegara dan juga memperoleh kewarganegaraan pada permulaan bulan itu.
- (d) Perkara 15A - Permohonan kewarganegaraan bagi seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun yang dalam keadaan khas.
- (e) Perkara 16 - permohonan kewarganegaraan bagi seseorang yang dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka. Syarat-syarat yang dikenakan:
  - (i) orang itu mestilah lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka (31.8.1957);
  - (ii) berumur 18 tahun atau lebih;

- (iii) telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun dalam tempoh 7 tahun terdahulu daripada tarikh permohonan;
  - (iv) berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;
  - (v) berkelakuan baik;
  - (vi) disahkan oleh Lembaga Bahasa bahawa pemohon berpengetahuan Bahasa Melayu yang mudah.
2. Kewarganegaraan dengan cara Masuk atau Naturalisasi
- (a) Perkara 19(1) - permohonan kewarganegaraan oleh seseoraag yang bertumur 21 tahun atau lebih. Syarat-syaratnya ialah:
    - (i) pemohon berumur 21 tahun atau lebih;
    - (ii) telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh sekurang-kurangnya 12 tahun termasuk tempoh 12 bulan sebelum tarikh permohonan itu;
    - (iii) bemiati untuk bermastautin tetap di Persekutuan;
    - (iv) berkelakuan baik;
    - (v) disahkan oleh Lembaga Bahasa bahawa pemohon berpengetahuan Bahasa Melayu yang cukup.

- (b) Perkara 19(2) permohonan kewarganegaraan dalam keadaan khas. Syarat-syaratnya ialah:-
- (i) pemohon berumur 21 tahun atau lebih;
  - (ii) hendaklah bermastautin di Persekutuan selama tempoh sekurang-kurangnya 12 tahun;
  - (iii) mengaku berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;
  - (iv) berkelakuan baik;
  - (v) diaahkan oleh Lembaga Bahasa bahawa pemohon berpengetahuan Bahasa Melayu yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ulasan di atas menunjukkan bahawa tidak semua permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia semestinya menunggu atau bermastautin di negara ini selama 10 hingga 15 tahun. Hanya permohonan di bawah Perkara 19(1) dan Perkara 19(2) yang mengenakan syarat bermastautin selama 12 tahun. Ini adalah disebabkan permohonan di bawah perkara-perkara tersebut mestilah dikaji dengan teliti terutama dari segi tapisan keselamatan dan juga pengetahuannya terhadap Bahasa Melayu sebagaimana yang disyaratkan, Pihak Kementerian tidak mempunyai langkah-langkah yang istimewa untuk mempercepatkan permohonan di bawah perkara tersebut kerana pemberian taraf warganegara adalah merupakan anugerah yang tertinggi oleh sesuatu negara kepada seseorang bukan warganegara.

**KLINIK PERGIGIAN BESAR KUALA TERENGGANU**

**17, Puan Hajjah Habidah binti Jusoh alias Yusof** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah bangunan Pusat Klinik Pergigian Besar Kuala Terengganu akan digantikan dengan yang baru memandangkan:

- (a) bangunan itu sudah begitu lama (sejak 1954) dan terlalu uzur; dan
- (b) alat-alat perkakas yang sudah "out of date" dan terlalu uzur.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) di dalam Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk menggantikan Klinik Pergigian Besar Kuala Terengganu dengan bangunan yang baru. Bagaimanapun, pertimbangan bagi penggantian bangunan tersebut akan dibuat semasa menyediakan projek-projek bagi Rancangan Malaysia Keenam;
- (b) berkenaan dengan alat-alat dan perkakas-perkakas di klinik tersebut, saya suka menyatakan bahawa kebanyakan alat-alat dan perkakas-perkakas yang ada sekarang masih baik dan boleh memenuhi fungsinya sebagaimana yang dikehendaki. Bagi alat-alat dan perkakas-perkakas yang lama yang tidak dapat digunakan, Kementerian Kesihatan telah dan akan menggantikannya dengan yang baru.

**AGENSI MENIPU PELAJAR DI LUAR NEGERI**

**18, Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd, Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar terdapat agensi-agensi menipu pelajar-pelajar yang akan belajar di luar negeri. Apakah tindakan yang diambil dan adakah kes-kes ini dilaporkan kepada polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yaag di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sehingga hari ini tidak pernah menerima sebarang laporan dari mana—mana pihak berhubung dengan agetisi.-agensi yang menipu pelajar-pelajar yang akan belajar ke luar negeri. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat, harap memberi kerjasama dengan pihak Kementerian dan ini dialu-alukan,

**Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya membuat soalan ini sebab kita membaca di dalam akhbar. Jadi bila kita baca berita ini dalam akhbar kemungkinan perkara itu berlaku sebab itulah saya tanya soalan ini secara rasmi.

#### KEKURANGAN BILIK-BILIK DARJAH

**19. Tuan Azman Atar bin عثمان** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Menteri Pendidikan sedar bahawa terdapat di sekolah yang mempunyai 2 sesi di mana murid-murid terpaksa berlegar-legar kerana ketidak cukupan kelas; jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan bilakah ianya akan diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar akan kekurangan bilik-bilik darjah khususnya di sekolah yang mempunyai dua sesi. Oleh itu, perancangan dan pembinaan sekolah-sekolah baru dan juga bilik darjah tambahan itu oleh Kementerian Pendidikan adalah merupakan suatu usaha yang berterusan. dan selaras dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan.

**PENGECCUALIAN CUKAI MEMBELI BUKU**

**20. Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian bercadang memberi pengecualian cukai kepada pembeli buku kerana dengan cara ini Kerajaan dapat menggalakkan masyarakat membaca dan dapat membentuk "masyarakat yang membaca".

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan pada 27.3.1989. Pada masa ini Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk memberi galakan cukai seperti pengecualian cukai untuk para pembeli buku. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberi galakan yang banyak kepada penulis-penulis tempatan untuk menerbitkan buku-buku semua jenis.

**WORKSYOP JKR PERSEKUTUAN - PENGSWASTAAN**

**21. Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengswastakan Workshop JKR di seluruh Negara. Jika ya, bila agaknya Kerajaan akan mengswastakannya jika tidak kenapa.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan worksyop JKR Persekutuan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia menerima cadangan dari pihak swasta yang berminat untuk menswastakan worksyop JKR Persekutuan itu.

**PAIP AIR DI LADANG GETAH - KEMUDAHAN**

**22. Tuan P. Balaram** minta Menteri Buruh menyatakan bahawa memandangkan kepada kesihatan pekerja-pekerja sebagai faktor meningkatkan produktiviti negara, bolehkah Kerajaan meminta tuan punya-tuan punya ladang-ladang untuk memberi sumbangan untuk memasang paip air kepada ladang-ladang yang belum menikmati kemudahan tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh meminta tuanpunya ladang membuat sumbangan secara sukarela untuk memasang paip air kepada ladang-ladang mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang mewajibkan majikan ladang berbuat demikian jika kos yang terlibat akan menjejaskan kedudukan kewangan mereka.

**BANK NEGARA - MENCEGAH PENYELEWENGAN**

**23. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dia langkah-langkah yang lebih positif yang telah dan akan diambil bagi mencegah kejadian-kejadian penipuan ke atas bank-bank khususnya penipuan dan kehilangan wang berjumlah \$22.2 juta yang berlaku ke atas Bank Negara baru-baru ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah baru telah dirangka dan mula dilaksanakan untuk mencegah penyelewengan dalam institusi-institusi kewangan. Di antara langkah-langkah itu termasuklah kajian semula sistem kawalan dalaman yang sedia ada dengan mengambilkira punca-punca penyelewengan yang berlaku dalam institusi-institusi kewangan tersebut.

Dalam hubungan ini, institusi-institusi kewangan telahpun diarah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan pemeriksaan untuk mengkaji sistem kawalan dalaman yang terdapat dalam bank tersebut atau dalam kewangan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut.

Institusi-institusi kewangan juga dikehendaki melaporkan kepada Bank Negara Malaysia kes-kes penyelewengan yang berlaku untuk dianalisa dan sekiranya perlu memberitahu institusi-institusi kewangan lain mengenai ciri-ciri kes tersebut supaya mereka dapat berjaga-jaga.

Langkah-langkah seumpama ini juga telahpun dilaksanakan di Bank Negara Malaysia di mana sebuah firma perunding telah dilantik untuk mengkaji sistem kawalan dalam Bank Negara bagi memastikan bahawa penipuan yang telah berlaku tidak berulang lagi. Prosedur mengenai sistem menandatangani cek oleh pegawai-pegawai yang berkenaan juga telah diperketatkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa walau apa jua pun yang kita buat, ia tidak semestinya dapat menghalang dengan sepenuhnya tipu-helah manusia. Kesudahannya, ketulusan dan kejujuran jua yang amat penting.

**Tuan Tan Chai Ho:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan penipuan dan kehilangan wang di Bank Negara baru-baru ini, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapakah jumlah wang yang telah dikesan dan dapat diambil balik dan mungkinkah kesemua wang itu dapat dikesan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya maksud Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu merujuk kepada wang \$22.2 juta, sebahagian besarnya telahpun didapatkan balik, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengulangi balik jawapan saya di Dewan Rakyat mengenai kes tersebut.

Sebenarnya, dokumen dalam urusan niaga pasaran wang di Bank Negara ini memerlukan dua orang pegawai untuk diberi kuasa untuk menandatangani dan pengeluaran wang yang besar, di dalam kes Bank

Negara \$22.2 juta ini adalah satu kes penipuan dan pemalsuan tandatangan oleh kerana itu ianya telahpun diluluskan oleh pihak Pengurus cawangan bank berkenaan oleh kerana 'signature' itu hampir-hampir serupa dengan 'authorised signature' tersebut iaitu Cawangan Bank Bumiputera seperti yang telah kita baca dalam akhbar-akhbar oleh kerana tandatangan itu tidak dicurigai, maka ia telahpun mendapat kelulusan.

Walau bagaimanapun, seperti yang telahpun saya katakan tadi bahawa kehilangan \$22.2 juta itu adalah kerugian kepada Bank Negara, bukan institusi kewangan yang lain. Walau bagaimanapun, setakat ini kea ini masih lagi dalam siasatan pihak Polis dan marilah kira membenarkan pihak Polis menjalankan tugasnya agar orang-orang yang terlibat itu dapat ditangkap.

#### BUKU "THE SATANIC VERSES" - PENGHARAMAN

**24. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sesudah Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher, supaya mengutuk dan menghentikan edaran buku The Satanic Verses atau "Ayat Syaitan", tulisan Salman Rushdie demi kepentingan 8 juta umat Islam di Malaysia dan 800 juta umat Islam sedunia yang berasa marah atas penghinaan penulis itu terhadap kitab suci al-Quran. Rakyat Britain tersebut hampir memutuskan perhubungan baik dengan negara-negara Islam sedunia dengan Britain dan mencetuskan rusuhan di bandaraya Bombay yang meragut nyawa berhubung dengan buku karangan Rushdie itu. Apakah tindakan susulan Kerajaan Malaysia terhadap sikap Britain yang membisu seribu bahasa seolah-olah isu itu tidak penting kepada orang Islam.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Abu Hassan bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, isu buku The Satanic Verses itu sebenarnya sudahpun diputuskan oleh Kerajaan apabila Kerajaan mengharamkan buku tersebut dari edaran pada bulan lalu.

Selain daripada itu, isu buku ini juga telah diputuskan oleh Kerajaan dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Dalam mesyuaratnya 'yang berlangsung di Riyadh, Saudi Arabia baru-baru ini, Malaysia serta negara-negara anggota Pertubuhan tersebut sebulat suara mengambil pendirian yang tegas dengan, mengutuk sekeras-kerasnya buku tersebut yang mengandungi penghinaan atau blasphemy terhadap agama Islam dan menyeru semua anggota masyarakat antarabangsa mengharamkan buku tersebut dari edaran serta mengambil langkah-langkah tertentu melindungi kesucian agama Islam.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil apa-apa tindakan susulan terhadap Britain berhubung dengan isu tersebut, apatah lagi mengambilkira bahawa tindakan yang dipengaruhi oleh emosi akan hanya mendatangkan kerugian kepada umat Islam. Kerajaan mengharapkan masyarakat dunia yang mempunyai hubungan baik dengan Malaysia supaya bersikap sensitif terhadap soal agama Islam.

#### HOSPITAL BARU DI SEBERANG PERAI - PEMBINAAN

**25. Dr. Tan. Chong Keng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang membina sebuah hospital besar di kawasan Seberang Perai supaya memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada pesakit-pesakit kawasan itu. Nyatakan juga jenis pakar perubatan ditempatkan di Hospital Besar Pulau Pinang dan bagaimana mereka membantu kerja hospital lain dalam negeri Pulau Pinang.

**Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang ada cadangan untuk membina sebuah hospital baru di Seberang Perai tetapi pembinaan hospital itu terpaksa menunggu giliran keutamaannya. Ada tempat yang lain, khasnya kawasan pedalaman yang memerlukan keutamaan yang lebih tinggi.

Jenis pakar perubatan yang ditempatkan di Hospital Besar Pulau Pinang adalah dalam bidang seperti berikut:

- (1) Perubatan.
- (2) Pembedahan Umum.
- (3) Perbidanan dan sakitpuan.
- (4) Bius.
- (5) Mata.
- (6) Kanak-kanak.
- (7) Otopedik.
- (8) X-Ray.
- (9) Kajipenyakit.
- (10) Kulit.
- (11) Telinga, Hidung dan Tekak, serta
- (12) Kajidarah.

Pakar-pakar di Hoapical Besar Pulau Pinang merawat semua pesakit yang dirujukkan dari hospital-hospital lain di negeri Pulau Piang. Juga pakar-pakar tersebut membuat lawatan secara berjadual ke hoapital-hospital tersebut bagi memberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit di situ.

**Tuan Mustapha bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta meminta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan ini, mengikut giliran yang disebutkan keutamaan diberikan ke kawasan pedalaman, bolehkah atau tidak Setiausaha Parlimen berkenaan menerangkan di mana dan bilangan hospital yang akan didirikan di kawasan pedalaman itu?

**Dr. Ting Chev Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan, semuanya ada disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kalau sesuatu hospital memerlukan perhatian yang khas, maka biasanya Wakil Rakyat dari kawaaan yang berkenaan itu akan menghantar permohonan kepada Kementerian Kesihatan untuk diberikan pertimbangan khas.

**KWSP - KAEDAH SIMPANAN**

**26. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya faedah simpanan KWSP turun 8.5% kepada 8.0% sahaja.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pihak Lembaga KWSP mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 8.0% bagi caruman ahli-ahli untuk tahun 1988. Kadar dividen ,bagi tahun 1988 adalah 0.51 lebih rendah daripada kadar yang dibayar bagi tahun. 1987.

Mengikut amalan biasa, KWSP mengagihkan sepenuhnya pendapatan bersihnya pada setiap tahun untuk tujuan pembayaran dividen. Kadar dividen yang diisytiharkan oleh KWSP pada tiap-tiap tahun adalah bergantung kepada dua, faktor iaitu jumlah pendapatan bersih dan jumlah caruman yang ada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988 pelaburan KWSP berjumlah \$35.47 ribu juta dan menghasilkan pendapatan sebanyak \$2.64 ribu juta. Bagi tahun 1987 jumlah pelaburan ialah \$31.27 ribu juta yang menghasilkan pendapatan sebanyak \$2.52 ribu juta. Walaupun pendapatan bertambah jumlah caruman juga bertambah iaitu daripada \$31.51 ribu juta pada tahun 1987 kepada \$35,31 ribu juta pada 1988. Oleh itu, Tuan Yaug di-Pertua, kadar dividen sebanyak 8% yang ditetapkan itu adalah didapati munasabah dan berpatutan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu dari sebab penurunan faedah ini kepada 8% adakah kaitan dengan kehilangan wang \$22 juta dari Bank Negara? **[Ketawa]**

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tidak.

#### KEMALANGAN DI JALANRAYA

**27. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai kegagalan Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan di jalanraya kepada tahap yang minima:

- (a) tidakkah Kementerian berkenaan memikirkan sesuatu yang radikal seperti meningkatkan umur dari 18 tahun ke 21 tahun untuk bakal pemandu mengambil ujian memandu dan menekankan perkara disiplin di jalanraya dalam kurikulum sewaktu menjalani latihan memandu; dan
- (b) meminda undang-undang Akta Pengangkutan Jalan untuk menarik balik lesen pemandu yang terlibat dalam kemalangan jalanraya sebanyak dua kali akibat dari kecuaiian dan kehebatan untuk berlumba.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar, Kerajaan telah gagal mengurangkan kadar kemalangan di jalaaraya kerana sejak tahun 1985 hingga pertengahan 1988 kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan didapati telah menurun seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kemalangan</b>
1985	142,653
1986	137,175
1987	131,609
1988 (Jan-Julai)	43,868

Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk meningkatkan had umur dari 18 ke 21 tahun bagi bakal pemandu mengambil ujian memandu kerana perangkaan yang menunjukkan bahawa kadar kemalangan yang melibatkan pemandu yang berumur di antara 18 hingga 20 tahun adalah kurang jika dibandingkan dengan golongan pemandu yang berumur 21 tahun ke atas.

Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan kepada **disiplin** pemandu semasa berada di jalanraya terutamanya melalui kurikulum baru bagi melatih bakal-bakal pemandu di masa hadapan. Kurikulum baru memberi penekanan yang lebih terhadap memandu berhemat, **disiplin** dan sopan santun pemandu semasa memandu di jalanraya bertujuan untuk menguraagkan lagi kadar kemalangan di jalauraya.

Kementerian Pengangkutan juga tidak bercadang untuk meminda lagi Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk menarik balik lesen

seseorang pemandu yang terlibat dengan kemalangan jalanraya kerana peruntukan yang sedia ada dalam Akta mengenai hukuman yang boleh dikenakan ke atas pemandu yang melakukan kesalahan adalah memadai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yaag Berhormat, kita telah berjaya mengemukakan 27 soalan dalam Dewan ini dan ini adalah mencatatkan sejarah baru di dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup,

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 58 adalah]**

**USUL****UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan. Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya 'dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada maaa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh." (28hb Mac, 1989)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih untuk menyambung ucapannya pada petang semalam. Dipersilakan.

**3.33 ptg**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya menyambung ucapan perbahasan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih semalam menyentuh tentang KBSM. Jadi, sambungannya adalah kita sudah melihat dengan mata kasar kita sendiri penderitaan penuntut-petmntut dan murid-murid sekolah yang tidak tentu arah di dalam peperiksaan SPM dan STPM mereka itu baru-baru ini dengan ditunda beberapa kali. Ramai di antara mereka dapat, dengan izin, psychological torture iaitu kesengsaraan psikologi.

Selain daripada itu masa yang ditambah adalah satu ikhtiar yang baik demi mencapai matlamat murni Kerajaan iaitu mengharapkan generasi muda lepasan sekolah dihormati kerana berilmu dan berdisiplin dan bersopan santun. Apa yang dikesali ialah walaupun KBSM baru sahaja diperkenalkan sudah ada pihak-pihak yang ingin menjadikannya sebagai satu isu politik pula. Sudah kedengaran cakap-cakap bahawa KBSM bertujuan untuk mengenyahkan kepentingan kaum-kaum tertentu. Sikap ini adalah tidak bertanggungjawab. Kita bersetuju dengan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Haji Anwar Ibrahim supaya pihak-pihak yang ingin berpolitik secara ini lebih baik menghentikan hasrat itu yang mana adalah sia-sia sahaja yang boleh membangkit-bangkitkan ketegangan yang bukan-bukan di antara kaum

Tuan Yang di-Pertua, pengenalan KBSM adalah usaha terus menerus Kerajaan untuk membaiki sistem pendidikan negara ini bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Ia juga bertujuan untuk mendorong kelahiran manusia-manusia yang setia kepada negara, mengerti tanggungjawab mereka serta menjadi rakyat Malaysia dengan orientasi yang betul. Maka wajibliah kita di Dewan yang mulia ini mempertahankannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri sekalongan bunga penghargaan kepada Menteri Pendidikan serta pegawai-pegawainya dalam Kementerian beliau atas usaha gigih yang ditumpukan untuk kepentingan generasi yang ada yang sedang melalui zaman persekolahan mereka menggunakan landasan kurikulum yang jauh lebih baik dari sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Tuhan telah menguji rakyat Malaysia dengan beberapa ujian yang dahsyat sehingga menyebabkan sebahagian golongan masyarakat Malaysia menjual harta benda yang ada dan terus berhijrah dengan keluarga mereka ke luar negeri khususnya ke negeri-negeri orang putih. Pada anggapan mereka mencari pekerjaan dengan gaji yang lumayan dan kesejahteraan hidup lagi selesa tetap terjamin di negara-negara tersebut. Saya bimbang mereka akan dihantar pulang ke Malaysia sebagai pengemis apakala habis wang-wang yang ada pada mereka itu yang mana akan menyebabkan lagi satu kesulitan lagi kepada Kerajaan Malaysia. Ada juga di antara mereka ini Bumiputera terdiri dari manusia yang imannya lemah dan tidak yakin bahawa segala baik dan buruk itu datang daripada Allah yang maha kuasa. Mereka ini terdiri dari pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga yang gagal, yang bankrap dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, satu peristiwa dalam sejarah yang sukar kita dapat lupa ialah penyakit jantung yang hinggap Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang dinamik di Malaysia ini sehingga pembedahan coronary by-pass dijalankan oleh doktor-doktor tempatan di Hospital Kerajaan Malaysia yang mana yang kita difahamkan itu adalah atas persetujuan Yang Amat Berhormat sendiri.

Ini adalah membuktikan cogankata beliau memimpin melalui teladan yang sudah pun ditunaikan. Ini adalah satu contoh bagi pembesar-pembeaar kita yang lain, khususnya Menteri-menteri yang suka sangat cari rawatan di luar negeri.

Apa yang mendukacitakan pula, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar banyak dan ramai rakyat dengar khabar-khabar angin yang kencang bertiup ke sana-sini ketika itu oleh mereka yang gila kuasa kononnya sudah tidak ada lagi pemimpin-pemimpin yaag berkaliber, yang berkemampuan untuk menjawat jawatan itu yang boleh mengakibatkan kestabilan politik dan Kerajaan tergugat. Mereka mendakwa tidak ada pengganti yang sesuai atau pelapis yang dikenalpasti yang boleh mengambil tempat beliau. Syukur alhamdulillah, dengan hidayahnya Yang Amat Berhormat Dr. Abdul Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri, dapat memangku jawatan Perdana Menteri dengan cemerlangnya tanpa sebarang masalah yang tidak dapat diatasi. Tuhan yang maha mengerti dan yang mengurniakan rahmat dan nikmat telah menyembuhkan dan memulihkan kesihatan Yang Amat Berhormat Dr. Seri Mahathir Mohamed yang akan menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat sebagai Perdana Menteri selepas berehat di luar negeri dan ini telah memberi perangsang kepada Yang Berhormat Dr. Abdul Ghafar Baba, Menteri-menteri, Ketua-ketua jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara supaya bekerja lebih kuat dan gigih lagi demi untuk memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang tamak kuasa dan cuba pula merancang berbagai 'design' dengan nawaitu yang jahat perlu ingat jika Tuhan yang maha berkuasa itu tidak merestui apa sahaja

rancangan mereka itu, tetap mereka berada di takuk yang lama juga, hasilnya tetap negatif juga. Jangan mereka lupa khususnya orang-orang Islam, kepada bukan Islam pun ini adalah satu nasihat yang baik. Firman Allah yang bermaksud:

Katakanlah:"Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau beri kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki, Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu."

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah bertitah dalam mukasurat, para akhir: "Kerajaan telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Dengan adanya program tersebut; negara kita akan menjadi tumpuan seluruh masyarakat antarabangsa." Peruntukan perbelanjaan sebanyak \$100 juta sudahpun diluluskan.

Sebagai Penasihat kepada Persatuan Penarik Beca ataupun Pengayuh Beca, Pulau Pinang, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan, Yang Berhormat Dato' Sabaruddin Chik agar dapat membekalkan baju T berwarna-warni yang melambangkan logo-logo Melawat Malaysia 1990 dan topi serta lencana dan sebagainya serta sumbangan wang perlulah diberi kepada semua Persatuan-persatuan Beca Roda Tiga itu untuk cat-mengecat dan menghias beca-beca yang tidak elok dipandang dan dilihat, agar pelancong-pelancong tidak merasa jemu untuk menaikinya. Saya juga percaya Yang Berhormat Senator Mohamed Farid Ariffin akan sokong rayuan saya ini kerana beliau juga seorang Penasihat kepada Persatuan yang sama. Pada ketika ini kita hanya mendapat per-

tolongan daripada beberapa hotel sahaja. Tuanpunya hotel memberi derma kepada Persatuan-persatuan ini untuk cat-mengecat beca-beca mereka itu. Untuk makluman Menteri yang berkenaan, Persatuan-persatuan tersebut adalah cukup marhaen kerana mata pencarian mereka itu tidak tetap dan sedikit sangat dicarinya kerana kereta-kereta sapu habis menyapu dengan licin di tempat-tempat perhentian bas, di hadapan kompleks-kompleks membeli-belah, di hadapan luar hotel. Ini banyak sungguh berlaku di Pulau Pinang, saya tidak tahulah pula halnya di Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, penerapan nilai-nilai Islam banyak diper-cakapkan dan dipraktikkan dewasa ini tetapi aktiviti dakwah songsang masih tidak dapat dibendung dan dikawal betul-betul. Dia hilang sekejap dan muncul balik dengan ajaran-ajaran khurafat yang menyesatkan manusia-manusia yang mempunyai ilmu akhirat yang tipis. Maka saya ambil peluang di sini untuk mengesyorkan kepada Lembaga Tabung Haji (LUTH) yang tidak mempunyai masalah wang agar dapat tubuhkan institusi dakwah secara besar-besaran untuk melancarkan perang jihad terhadap penyebar-penyebar dakwah songsang tersebut. Ramai lepasan sekolah dan universiti yang ada kelulusan pelajaran agama Islam boleh dilatih dan ditanggungjawabkan untuk meneroka di mana sahaja harta di hutan sekalipun sebagai satu 'missionary' Islam yang boleh memberi kesan yang baik. Kepada Ahli-ahli Lembaga Tabung Haji, saya sangat mengharap-harapkan perkara ini dibuat. Walaupun Yayasan Islamiah ada beberapa usaha sedang dijalankan untuk menambahkan penuntut-penuntut kita yang dilatih sebagai pendakwah, tetapi bilangannya terlalu kecil, jadi ini tidaklah akan memberi satu kejayaan bagi kita menghapuskan kegiatan dakwah songsang itu.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul

Titah Ucapan Baginda dan menjunjung kasih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

**4.48 ptg.**

**Tuan Tan Chai Ho:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya bangun untuk menyokong penuh Usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istiadat Perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu Sistem Kehakiman di negara kita telah mengalami serba sedikit krisis. Walau bagaimanapun dengan wujudnya krisis tersebut dapat di atasi disebabkan rakyat jelata mematuhi kedua-dua prinsip Rukunegara iaitu kesetiaan kepada Raja dan negara serta kedaulatan undang-undang. Sebagaimana yang kita ketahui, kuasa perundangan telah dinyatakan dengan jelas di bawah Artikel 121 (1) dalam Perlembagaan negara. Berdasarkan kuasa yang diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pihak Hakim mempunyai kuasa mentafsirkan Perlembagaan dan sebarang undang-undang negara.

Kalau keadaan ini jelas dalam otak setiap orang maka kekeliruan dan perselisihan faham tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada pihak tertentu mencadangkan supaya seksyen 3, Akta Undang-undang Sivik 1956 dimansuhkan. Seksyen 3, Akta Undang-undang Sivik 1956 menekankan mahkamah di Malaysia boleh menggunakan Common Law yang diperturunkan oleh British sekiranya tidak ada sebarang undang-undang tertulis. Dalam koateks iai Ketua Hakim Negara akan mengemukakan suatu cadangan iaitu merangka suatu Common Law baru yang berunsur nilai-nilai tempatan dalam persidangan hakim dalam bulan Jun tahun ini. Akan tetapi sebagaimana yang kita ketahui, Common Law yang diamalkan selama ini terbukti baik kerana ia berjaya mengatasi banyak masalah yang berkaitan dengan sifat manusia dan hal-hal berkenaan dengan manusia di seluruh dunia.

Kebanyakan negara di Commonwealth termasuk Amerika Syarikat, Pakistan, Singapura, Australia, Hong Kong, India dan Fiji masih menggunakan Common Law. Ini bermakna Common Law telah mendapat sambutan dan diamal di seluruh dunia tanpa menjadi halangan kaum, ugama dan kebudayaan. Atas sebab-sebab inilah, kita merasa bimbang terhadap pihak tertentu yang mencadangkan Undang-undang Syariah untuk menggantikan Common Law.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia setiap orang berpendapat adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengekalkan layanan yang adil kepada rakyat. Sebab inilah yang membolehkan Barisan Nasional terus mengekalkan keyakinan rakyat dalam tempoh 30 tahun.

Sebilangan besar rakyat memang mengambil berat terhadap cadangan pelaksanaan Undang-undang Syariah. Mereka rasa Undang-undang Syariah tidak sesuai diamalkan secara paksa dalam masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia. Sebarang polisi yang dirangka ~~mesti~~ bertujuan memupuk perpaduan nasional sebagai keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita bimbangkan ialah dengan penguatkuasaan Undang-undang Syariah kelak, ia akan mempengaruhi hal-hal berkenaan dengan bank pinjaman antarabangsa. Di samping itu ia juga mempengaruhi undang-undang komersial atau merchantile law, dengan **izin**, yang menyediakan peruntukan tertentu sebagai jaminan terhadap negara-negara asing yang berurusan dengan negara kita.

Sebenarnya di tengah-tengah usaha Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat menuju ke arah pembangunan negara sebagai sebuah negara industri, sebarang isu yang sensitif atau kontroversi tidak harus ditimbulkan pada masa **ini**. Pandangan semua pihak mesti dirujuk atau diambilkira dan kajian yang teliti mestilah dilakukan sebelum sesuatu Common Law yang berdasarkan nilai-nilai tempatan dirangka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Majlis Perunding Ekonomi Negara saya memang mengalu-alukan pembentukan Majlis ini kerana semua kaum diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam merangka Dasar Ekonomi Baru 1990. Oleh itu, saya rasa dalam masa sekarang ahli-ahli politik terutama Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat-Yang Berhorraat Timbalan Menteri dan Ahli-ahli

Parlimen tidak harus menimbulkan sebarang isu yang sensitif kerana ia boleh menggagalkan usaha perabentukan DEB yang sedang dilakukan oleh Majlis Perunding **ini**. Lebih-lebih lagi isu yang sensitif ini juga akan menimbulkan perbalahan kaum yang tidak menguntungkan negara kita.

Kesimpulanya rakyat hendaklah menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama **lain**. Kepentingan diri hendaklah diketepikan. Sebaliknya semua kaum mesti berganding bahu untuk membangunkan negara supaya negara kita terus maju se-tanding dengan negara-negara maju yang **lain**. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

**3.57 ptg.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Bismillahhir-rahmanir-rahim. Alhamdulillah saya bersyukur dan berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama dengan rakan-rakan bagi mengucapkan tahniah dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti kepada Titah Ucapan yang saya rasa merangkumi semua aspek yang patut direnung dan diperhatikan oleh semua pihak baik daripada pihak Kerajaan ataupun pihak rakyat dan meliputi semua peringatan-peringatan yang perlu diambilkira oleh semua kaum yang tinggal dalam negara ini yaag telahpun mengaku menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa Titah Ucapan ini adalah amat sesuai dilafazkan di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana ini adalah Titah Ucapan yang terakhir bagi Baginda sebelum Baginda menamatkan pemerintahannya sebagai Yang di-Pertuan Agong pada bulan April yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik perhatian saya dalam Titah Ucapan ini ialah di atas firman Tuhan yang berbunyi di dalam Titah Ucapan yang terakhir yakni di bahagian penutup di mana Baginda telah melafaskan firman Allah yang berbunyi. "Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur" - negara yang aman makmur mendapat keampunan Allah. Saya rasa ini adalah harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendoakan supaya negara Malaysia ini akan dapat diletakkan oleh Allah dalam perlindungan, kebahagiaan dan kemakmuran kerana itu sahajalah cara-cara yang boleh menyelamatkan negara dan rakyat.

Satu negara yang hendakkan keamanan dan kemakmuran tidak akan dapat tercapai selagi kekuatan dan ketahanan diri bagi setiap rakyat dalam negara itu tidak dapat diwujudkan. Tetapi kalau ketahanan dan perpaduan dapat diwujudkan dalam satu negara, maka negara itu akan aman dan negara itu akan makmur.

Saya rasa oleh kerana memandangkan negara ini didiami oleh berbilang kaum, maka untuk mewujudkan satu negara yang begitu aman dan makmur tentulah akan menempuh berbagai-bagai liku dan akan menempuh berbagai-bagai keadaan. Kalau pihak pemerintah dan rakyat tidak mempunyai tanggungjawab, maka negara itu tidak akan sampai kepada tahap Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur. Maka usaha-usaha di dalam masalah ini telahpun dibayangkan dalam Titah Ucapan ini taitu tentang perpaduan dan harapan Bagiada di dalam mukasurat 6 di mana Baginda bertitah, Suka Kita mengingatkan semua pihak terutama ahli-ahli politik, pertubuhan-pertubuhan tertentu dan akhbar-akhbar supaya bersikap sederhana dan lebih bertanggungjawab

apabila memberi pandangan mengenai sesuatu isu. Bagi mereka yang cuba mencari kesempatan, Kita mengingatkan supaya lebih berhati-hati dan tidak menyalahgunakan sikap terbuka Kerajaan demi menjamin perpaduan rakyat dan ketenteraman awam.

Kalau semua ahli politik mahu memerhati, mahu meneliti dan mahu mengkaji bahawa kehancuran akan wujud kalau sekiranya ahli-ahli politik ini tidak dapat mencari satu pakatan yang boleh memberi kebahagiaan kepada negara dan rakyat dan begitu juga akhbar-akhbar tidak semestinya memaparkan perkara-perkara yang boleh mencetuskan perasaan dan suasana yang kurang baik dan merenggangkan kedudukan di antara rakyat dengan Kerajaan dan begitu juga kaum-kaum yang tinggal dalam negara ini yang telahpun mengakui taatsetia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka tidak boleh mempertikai sebarang perundangan yang telahpun diperundangkan di dalam Perlembagaan, kerana Perlembagaan dicipta adalah untuk memberi jaminan, keamanan dan kebaikan kepada rakyat dan negara.

Saya khuatir dengan begitu lantang dan begitu berani setengah golongan kawan-kawan, ahli-ahli politik yang sering bergisiran di antara satu sama lain, yang tidak menunjukkan kepersefahaman yang baik dan menimbulkan kecurigaan kepada keadaan yang ada, maka kita bimbang dengan permainan politik yang begitu tinggi, maka rakyat akan duduk dalam keadaan serba salah dan rakyat akan tercari-cari yang manakah satu pemimpin politik yang harus mereka ikuti. Ini terbayang di dalam beberapa ucapan yang menyentuh perasaan baik di dalam Dewan atau di luar Dewan.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan ayat yang saya bacakan tadi, bahawa apa yang telah dirancang dan diatur, semuanya adalah

menghala kepada keamanan, keselamatan dan kebahagiaan. Jadi kalau apa yang telah diatur dan apa yang telah dibuat dirasakan akan menimbulkan permasalahan, maka kita perlu membuat perubahan dan perlu membuat perundangan dan perlu kita berbicara di dalam permesyuaratan untuk mencari kata yang lain yang lebih sesuai dan lebih mantap untuk keamanan negara dan rakyat negara ini, kerana semua perundangan yang dibuat adalah perundangan yang dibuat secara keilmuan dan kepakaran dari segi kemanusiaan.

Segala kepandalan, keilmuan dan kepakaran kemanusiaan ini boleh diubah, boleh disesuskan dengan keadaan suasana semasa. Yang tidak boleh kita ubah ialah Al-Quran dan Hadis Nabawi oleh kerana Quran dan Hadis Nabawi tidak boleh diubah. Tetapi perlaksanaannya boleh dipersesuaikan mengikut suasana masa dan keadaan, kerana ini diakui oleh Allah s.w.t. bahawa Al-Quran ini boleh memberi keselamatan kepada manusia, boleh memberi keselamatan kepada hamba-hambanya yang duduk di permukaan bumi ini sehingga hari kiamat. Selagi manusia mempunyai fikiran, selagi manusia mempunyai perasaan, selagi manusia mempunyai akal, maka Quran dan Hadis ini tidak boleh merosakkan mereka. Oleh kerana itu saya adalah menentang kalau ada di antara rakyat atau ada di antara pemimpin yang memomok-momokkan tentang Islam ini bahawa satu agama yang tidak boleh menjamin keselamatan, keutuhan dan keagungan rakyat dan negara, maka kita mencabar bahawa Quran dan Hadis Nabawi ini bukan untuk dipermainkan. Sebab itu jaminan Allah kepada ayat yang saya baca *Baldatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur* merupakan jaminan bahawa manusia yang berpegang dengan Quran dan Hadis ini, inilah hamba-hamba Tuhan yang dijamin oleh Allah yang boleh menyelamatkan dunia ini, yang boleh menyelamatkan alam ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t., mohon izin, Tuan Yang di-Pertua.

Maksudnya:

"Nyatalah berlaku kepesatan di darat dan di lautan kerana usaha tangan manusia Allah merasakan kepada mereka sebagai sebahagian balasan daripada apa yang mereka lakukan, mudah-mudahan mereka bertaubat".

negara yang dilanda kepesatan, negara yang dilanggar oleh kebinasaan, negara yang dilanggar oleh kecelakaan bukan berpunca dari Allah tetapi adalah berpunca dari tangan-tangan manusia kerana manusia tidak lagi berpandu kepada ajaran yang diajarkan oleh Allah. Manusia tidak mahu lagi berpandu kepada Hadis yang ditinggalkan oleh Junjungan kita. Maka kalau manusia tidak mahu kembali, tidak mahu surut kepada keadaan yang ada maka tunggu kebinasaan akan timbul.

Oleh sebab itu kerana berdasarkan ini saya percaya dan yakin bahawa pemimpin negara dan Kerajaan meletakkan Islam sebagai satu asas pemerintahan di dalam negara ini amat sesuai dan patut dipertahankan oleh semua rakyat kerana Itu sahaja yang boleh menjamin keselamatan dan ketahanan rakyat. Jadi saya adalah menentang sama sekali kalau ada segolongan rakyat yang tiba menentang tentang keutuhan dan kemurnian perjalanan Islam yang boleh dijadikan landasan untuk menyelamatkan negara dan manusia di dalam bumi Malaysia ini.

Kita tidak boleh bercakap dengan kejahilan kita. Kita tak boleh bercakap dengan kebodohan kita tetapi biar kita bercakap dengan keilmuan kita. Sebab itu Islam bukan satu ajaran yang mudah. Islam adalah satu ajaran yang perlu dipelajari bukan untuk diikuti dan ditiru-tiru. Sebab itu saya tentang sama sekali kalau ada

manusia yang berani berkata bahawa agama Islam ini menggunakan paksaan, agama Islam memaksa, kita tidak pernah melaungkan ini sebab walaupun Tuhan berfirman: "La - ikraq hafidin" (tidak ada pakatan kepada agama ini). Maksud tidak ada paksaan kepada agama ini bahawa kita tidak boleh memaksa orang untuk dia turut beriman dengan Allah mengikut cara kita tetapi mereka yang telah masuk ke dalam ini, yang telah mengaku beriman kepada Allah dan Rasul maka orang ini akan kita ambil tindakan, kita akan lakukan apa sahaja yang sesuai meaurut agama. Maka sebab itu lahir dalam perancangan kita untuk melahirkan undang-undang berkeluargaan dalam Islam, mengubah Enakmen-enakman, Undang-undang Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Maka dengan sebab perubahan-perubahan yang kita buat sekarang dan kita akan lancarkan ini janganlah hendaknya ada di antara kita yang cuba menakut-nakutkan.

Saya tekankan sekali lagi kepada kawan-kawan yang bukan Islam, mereka tidak perlu takut, mereka tak perlu bimbang. Yang kita hendak kawal ini ialah mereka yang beragama Islam, jangan mereka ini jahil dalam Islam, jangan mereka itu mengaku duduk dalam agama Islam tetapi pelaksanaannya lebih dahsyat daripada orang yang bukan Islam. Yang kita hendak kawal ialah orang-orang Islam yang telah sedia ada dan kawan-kawan yang telah memilih Islam sebagai pegangan mereka maka mereka ini kita mahu kawal kerana kita sayangkan mereka, kerana kita cintakan mereka, maka kita hendakkan doa-doa pengorbanan-pengorbanan mereka perjuangan-perjuangan mereka bagi mempertahankan amanat yang dipertinggalkan oleh Junjungan kita Rasulullah s.a.w. Tidak perlu, kawan yang bukan daripada golongan kita ini tidak perlu takut duduk dalam negara Malaysia kerana kita ada mempunyai Perlembagaan, tidak perlu takut. Harus diteliti dan harus difahami

babawa perundangan yang kita tekankan ini adalah untuk Islam.

Sebab itu kita menekankan orang-orang Islam yang terlibat dalam lesen-lesen judi misalnya kita minta Kerajaan jangan keluarkan lesen-lesen judi kepada mereka yang beragama Islam sebagai langkah pertama Yang sudah ada berlesen, pembaharuannya hendaklah dibatalkan. Ini satu jalan yang kita tunjukkan dan kita tidak benarkan orang-orang Islam yang membuka kedai makan dan kedai minum menjual arak kerana ini bertentangan dengan pendapat Islam tetapi kita tidak sebut kedai-kedai yang bukan Islam. Dan kita minta Kerajaan memerhati dan melihat bahawa tempat-tempat yang penting yang telah diminati dan dimasuki oleh orang Islam jangan ada unsur-unsur haram di dalamnya. Maksud saya jangan ada minuman-minuman keras, jangan ada perjudian-perjudian yang ada di dalamnya. Sebab itu kita larang dan kita perintahkan supaya ini hendaklah dihapuskan. Kita boleh beri satu kawasan untuk mereka yang bukan Islam untuk menjual minuman keras ataupun membuat perjudian yang terkhas kepada mereka yang bukan Islam tetapi orang Islam kita larang masuk. Kalau mereka menghampiri tempat itu kita akan menggunakan kuatkuasa perundangan Islam. Ini sahaja, kenapa takut? Tidak perlu takut. Yang takut ini orang Islam yang tak masak, orang Islam yang jahil, orang Islam yang tahu hanya dia itu bernama Islam tetapi kelakumannya macam syaitan, ini orang yang takut. Serupa juga macam orang politik, orang yang gila politik yang mahukan kepentingan mempertahankan kedudukan untuk diri mereka, mereka duduk dalam keadaan takut tetapi mereka yang berjuang yang memikirkan untuk bangsa dan negara selagi negara dan bangsa berkehendakkan mereka, mereka sedia berkhidmat, negara tak hendak, rakyat tak hendak, mereka sedia berundur, itu

orang tidak ada 'kundar' dalam politik.

Sebab itu saya nampak dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melahirkan kebimbangan Baginda sebagai ucapan terakhir dalam pemerintahan Baginda kerana Baginda merasakan bertanggungjawab di hadapan Allah kalau Seri Paduka tidak menitahkan ucapan ini sampai menaruhkan harapan untuk melahirkan Malaysia sebagai satu negara "baidatun taibatun warabbun gaffur". Ini perkataan bukan murah harga, bukan jutaan, bukan duitan dan bukan harta yang boleh kita tebus. Berapa orang yang berani bercakap "baidatun taibatun warabbun gaffur". Kalau ada parti-parti di luar Kerajaan berani bercakap, itu hanya sebagai pancingan sahaja kerana mereka tidak boleh melakukan itu semua. Tindakan mereka berlainan walaupun ada parti yang berani mengucapkan di mana sahaja kita mahu melahirkan "baidatun taibatun warabbun gaffur" tetapi kita percaya dengan Kerajaan kita yang ada, dengan pemerintahan kita yang ada, dengan pemimpin kita yang ada, dengan keyakinan yang ada pada kita, kita percaya harapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan dapat lahir dan saya minta kepada semua pihak di dalam mengusahakan perpaduan ini haruslah memperlahankan sedikit isu-isu perkauman. Kita tidak mahu memandang kepada kaum kita tidak mahu memandang kepada bentuk-bentuk kehidupan yang berlainan di dalam negara ini.

Oleh itu saya suka mencadangkan dalam bentuk yang perlahan daripada bawah ini kita bentuk sekarang, sudah sampai masanya kita bertindak kerana untuk melahirkan satu rakyat dan negara yang baik dan sihat ini bergantung kepada keilmuan yang diterima oleh anak-anak. Maka saya mencadangkan oleh kerana banyak yang tidak berkepuasan hati dalam permasalahan persekolahan daripada

Kementerian Pendidikan ini maka saya mencadangkan supaya sekolah rendah ini dibuat satu bentuk sahaja, tidak ada sekolah Tamil, tidak ada sekolah Cina, semuanya sekolah rendah kebangsaan. Sudah sampai masa tak perlu kita hendak memikirkan sekolah Tamil, tak perlu kita hendak memikirkan sekolah Cina, terus kita kebangsaankan kesemua ini kalau mahu betul-betul patuh kepada naungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tidak perlu, apa perlunya.

Sudah sampai masanya kalau anak-anak yang lahir ini 20 tahun akan datang akan merupakan generasi pengharapan negara, penggerak dan nadi negara. Kalau di peringkat bawahan telah diasingkan mereka ini, tidak dimasyarakatkan dalam satu masyarakat golongan pendidikan., maka kita bercakap 20 tahun akan datang serupa macam kita bercakap pada hari ini. Maka sebab itu, saya usulkan supaya ini dibuat walaupun secara beransur-ansur. Apa kita takut, bukan kita tidak hendak menghilangkan kedaulatan bangsa Tamil atau hendak menghilangkan kedaulatan bahasa Tionghua, tetapi kita hendak melahirkan satu kebangsaan yang didukung oleh semua kaum yang berbentuk satu masyarakat dari kanak-kanak lagi. Kalau tidak, kita gagal. Tidak perlu kita berfikir panjang, bukannya masanya lagi. Sudah 31 tahun merdeka, dengan keadaan ekonomi yang baik, dengan keadaan negara yang aman, maka ketika inilah yang sesuai untuk dibentuk, keilmuan dari kanak-kanak ini hendaklah dibentuk dalam satu bentuk yang sama. Kalau tidak, kita tidak boleh capai.

Begitu juga dengan isu Bahasa Kebangsaan: "CINTAILAH BAHASA KITA". Ini semua Ahli Dewan bercakap, semua rakyat pun bercakap, kedai kopi pun bercakap, tetapi percakapan itu bertelingkah. Dalam Dewan' ini pun bertelingkah, tidak usah di luar Dewan ada yang hendak, ada yang tidak hendak. Kita harus berani, kenapa kita harus ragu-ragu untuk menzahirkan dan melahirkan bahasa Kebangsaan yang tercinta ini. Kadang-kadang kita pun tidak perasan, antara kita pun kadang-kadang untuk melahirkan Bahasa Kebangsaan yang terbaik pun tidak dapat, oleh kerana di luar Dewan kita tidak cakap Bahasa Kebangsaan, kita cakap bahasa lain, konon-kononnya kita ini

educated, orang terpelajar, kalau gunakan bahasa 'I' dengan "you" itu lebih baik, lebih menarik, lebih seronok. Orang yang tidak pandai cakap itu orang bodoh. Ini anggapan yang kuno. Sebab itu tidak boleh melahirkannya dengan yang baik dan kita nampak keimbangan itu tidak sampai. Pemimpin-pemimpin pun tidak sama, masing-masing angkuh dengan kebahasaan yang mereka mahir, Dia sendiri pun tidak mahir Bahasa Malaysia, itulah sebab dia mempertahankan. Balik-balik cerita mahkamah, balik-balik cerita-mahkamah. Ini mahkamah apa bendanya.

Yang masalahnya, masyarakat bukan rakyat Malaysia ini semuanya masuk mahkamah. Yang masuk mahkamah hanya segelintiran sahaja, apa kita peduli dengan mahkamah. Balik-balik bahasa mahkamah, balik-balik bahasa mahkamah, tetapi kita di luar mahkamah ini tidak cakap apa-apa pun. Act pula itu! Kalau naik gaji bila bercakap itu, tidak apa juga. Kadang-kadang kita menghina orang yang tidak tahu. Kalau tuan-tuan hendak cakap rahsia, bolehlah cakap bahasa Inggeris, orang yang tidak tahu berbahasa Inggeris itu melopong sahajalah. Kadang-kadang kita anggap dia tidak tahu, pada hal dia lebih pandai. Ini pun susah juga kita hendak cakap. Kenapa kita tidak boleh melahirkan ini. Ini tentang Bahasa Kebangsaan kalau tidak jangan berikrar cintai bahasa - "CINTAI BAHASA KITA" - cakap sahaja cinta bahasa kita, apa benda yang kita buat. Kita yang menjadi pemimpin dalam Dewan ini pun bertengkar sesama kita, ada kata patut guna, ada kata tidak guna, ada kata patut boleh, ada kata tidak boleh. Jadi, macam mana hendak selesai. Kita bercakap berpuluh-puluh tahun di sini, rekod kita dalam Parlimen ini tebal-tebal, tetapi hasilnya tidak ada.

Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melahirkan rasa sedih yang amat sangat sikap-sikap yang ada pada kita tentang mendaulatkan bahasa ini. Tidak tahulah apa cara yang hendak kita buat. Serupalah macam cara kita hendak memulihkan orang Islam ini supaya dia tahu yang dia itu Islam, supaya dia kata saya cakap orang putih sedikit - "I am a Muslim". Siapa yang dikatakannya Muslim. Kalau dia kata dirinya muslim, itu satu pangkat, satu rahmat, satu darjat yang Tuhan beri kepada dia, maka dia harus tahu yang dia itu Muslim. Kalau kita cakap, saya seorang murid, dia mesti tahu apakah keperluan seorang murid. Saya seorang guru, dia mesti tahu yang dia itu guru, kalau dia kata saya seorang guru, tetapi dia tidak boleh mengajar, ilmu tidak ada, apapun tidak ada, dia mendakwa dirinya guru, guru apa yang dia dakwa. Saya seorang suami, isteri pun tidak ada, apa pun tidak ada, mengaku seorang suami. Tetapi kalau dia Firman Allah yang maksudnya: seorang suami, dia mesti tahu tanggungjawabnya, dia mesti taham "Jaga kau punya diri, jaga kau punya keluarga dari terjun ke dalam api negara". Dia mesti, faham. Ini dia sahaja sembahyang, isterinya tidak sembahyang, anak-anak dia tidak sembahyang, atau bininya sembahyang, tetapi dia tidak sembahyang. Ini menunjukkan dia tidak faham, cakap bohong, tipu, tidak amanah.

Kita dalam Dewan ini tanya duit penyelewengan itu, duit penyelewengan ini, duit itu, duit ini, itulah kita tanya: Inilah yang kita tanya, tetapi yang menanya itu pun buat sama. Apa kerjanya macam ini. Kita tanya, kita tidak buat, tetapi ini, kita tanya kita pun buat, macam mana?

Macam mana pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang dakwah, kita pun tidak berdakwah, dakwah apa yang kita hendak buat. Kalau tanya orang yang hendak dakwah ini pandang potongan dia. Islam

ini cerminnya luar itu menunjukkan batin. Kalau di luar sudah kelam-kabut macam mana dalamnya baik. Itu fasal Allah ta'ala suka kepada kecantikan, orang Islam yang kemas, yang 'smart' itu bukan dia ria, bukan dia takabbur, tetapi ia memahirkan "inilah dia Islam". Ini pakai selipar Jepun ke hulu ke hilir, dengan hapak dia, dengan busuk dia, dengan periuk dia, dengan belanga dia - kelepuh, kelepak, kata orang Negeri Sembilan - Dia kata inilah dia Islam. Siapa yang hendak memandang. Cuba pakai kemas, pakai minyak wangi sedikit, "smart", beri "assalammualaikum", ada adab, tunjuk budi bahasa. Oh, ini dia Islam, baharulah orang lain pandang. Dia memandang kita dia lawa lagi macam mana dia hendak masuk Islam. Dakwah apa yang kita buat, kita sendiri pun tidak berdakwah cakap dakwah, dakwah - tetapi apa bendanya, besok kalau dilempang oleh Allah, cakap sahaja, tidak erti jangan cakaplah.

Sebab itu saya setuju, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan ini biarlah bercakap dalam hal yang dia pakar sahaja. Kalau dia pandai ekonomi, cakap ekonomi. Saya ini bodoh ekonomi, saya tidak berani hendak sentuh ekonomi, fasal saya tidak erti dia punya statistik, saya tidak tahu, "buat tenging" sahaja kata orang Negeri Sembilan, Saya faham tentang perpaduan dan tentang ini sahaja yang saya cakap. Yang saya tidak mahir, saya tidak hendak bercakap. Lagi satu kalau benda yang saya tidak tahu, saya tidak hendak tanya, buat apa kita tidak tahu, tetapi kalau menanya hendak tahu dan hendak bertindak baru boleh tanya, hendak tanya sahaja, tidak ada gunanya. Sebab hendak keluar headline dalam suratkhobar? Nama saya tidak pernah keluar suratkhobar, fasal tidak pandai temberang. Jangan-jangan besok pagi keluar, itu tidak tahulah saya. Kita jangan pura-pura dalam hidup kalau kita hendak bentuk satu negara yang baik.

Sebab itu saya seru kepada kaum kerabat yang luar Islam ini jangan khuatir, jangan takut, Islam ini baik, peraturannya bagus, perjalanannya bagus, tindakannya bagus, tidak ada penganiayaan, tidak ada penyelewengan, tidak ada menyusahkan rakyat, tidak ada menyusahkan kawan-kawan, tidak ada menyusahkan orang lain, tidak hendak merampas harta orang, ini Islam.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau ada orang tanya: "Banyak aku tengok orang Islam macam ini, macam ini", kata dia. Itu dia bukan, dia punya beg sahaja Islam, buku di dalamnya tidak. Beg yang disandangnya itu tulis "Islam", serupa macam budak sekolah, dia pakai "Army America" tulis dekat beg budak sekolah, tetapi dia bukan army. Orang macam itu macam mana hendak buat, luar sahaja kita nampak bentuknya tetapi di dalamnya tidak. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mendengar benda ini diulang-ulang, tidak usah takutlah, Islam ini tidak usah takut. Dan pemimpin-pemimpin yang ada ini usah ditakuti, takut hendak mengislamkan orang, itu tidak ada.

Kalau orang itu memandang bentuk, cara, gaya, dia berkenan, kita syukur kerana Tuhan beri petunjuk kepada dia, bukan kita yang beri. Kita tidak ada kuasa langsung hendak beri orang petunjuk, tidak ada kuasa langsung, tidak ada kekuatan kita. Tetapi sebab itu Islam diperintahkan oleh Allah, penganut-penganutnya hendaklah berbentuk betul-betul dengan keislaman, keharmonian supaya mereka ini dapat memerhatikan bahawa kita bentuk-bentuk yang baik, itu yang penting. Kalau kita sendiri bentuk tak baik, bercakar sesama sendiri, tidak ada kemaafan, tidak ada keampunan, maka sampai bila macam ini sebab kita ini manusia, sebab kita ini asal manusia itu

Tuhan letakkan dalam perkataan bahasa Arab, manusia itu adalah "insan", orang lalai, orang lupa, kita inilah, Sekejap kita lupa, sekejap kita lalai, sekejap kita baik, sebab itu disediakan kita untuk menyabarkan keimanan kita datang solat lima waktu. Sebab itu dalam perkanunan, perundangan Islam ini orang yang tak sembahyang, kita akan denda; orang yang menceraikan isteri dengan sesuka hati, kita akan denda; orang yang hendak nikah sesuka hati, akan kita denda kerana kita ada mempunyai peraturan, apa yang kita takut. Sampaikan ada pula orang Islam mentitik-mentitik orang yang bukan Islam, kau cakap, kau tanya, dia hendak cakap tak berani. Itu sahaja, lain tak ada.

Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di dalam memberikan Ucapan Menjunjung Kasih ini supaya Kementerian Kewangan yang telahpun berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan lesen-lesen perjudian ini, saya ucap tahniah dan mengalu-alukan dan saya harap pegawai-pegawai yang terlibat dalam hal ini mesti memberanikan diri, memberanikan diri bertindak. Saya sedih, apakah caranya lesen-lesen perjudian ini dikeluarkan sebab lesen-lesen judi mesin yang dikeluarkan ini saya dapati ada setengah-setengah kelab menggunakan lesen ini sampai 15 mesin sedangkan kebenaran berapa mesinnya. Saya minta Menteri berkenaan supaya memberitahu berapakah satu mesin judi yang harus ada dalam satu kelab dan bagaimana hendak dikatakan semua yang berjudi itu mesti menjadi ahli sedangkan orang yang masuk ke dalam itu, tunjuk dia punya kad pengenalan, kemudian dibenarkan bayar, lepas itu berjudi, mereka ini bukan ahli. Macam mana yang dimaksudkan. Dan

kita tidak benarkan penuntut-penuntut sekolah masuk dalam kawasan-kawasan ini dan setengah-setengahnya kita tak benarkan orang-orang Islam masuk ke dalam kawasan perjudian macam ini. Tetapi apa yang kita buat, kalau perundangan ini tidak ada, apa kawalan yang kita boleh lakukan. Dengan sebab itu saya ucap tahniah kepada Menteri Kewangan yang berusaha sungguh-sungguh untuk mengurangkan lesen perjudian ini terutama sekali yang melibatkan orang-orang Islam.

Begitu juga tentang lesen-lesen minuman keras. Saya sedih hati sebab banyak kawasan-kawasan penting yang perlu didatangi atau dilawati oleh semua kaum termasuk orang Islam. Umpamanya macam taman-taraan rekreasi yang diwujudkan sekarang, banyak di peringkat peringkat daerah. Iklan minum arak ini terlalu besar. Saya inipun ada angan-angan hendak pergi taman rekreasi, bawa anak-anak, bawa isteri, duduk di tepi-tepi kolam itu tetapi bila saya masuk orang akan cakap, dia kata: "Sekarang habis dah, kita punya Yang Berhormat pun dah masuk, dah sama", padahal kita tak pergi tempat itu. Tetapi kalau tidak ada benda-benda yang boleh bercanggah dengan keadaan kehidupan kita, tidak berlaku dalam kawasan taman rekreasi, maka agak saya sesuailah untuk kita. Apalah rupanya kalau orang macam saya ini, pakai jubah, masuk ke taman rekreasi, duduk di tepi-tepi itu dengan anak-anak kerana itu adalah rahmat Allah, itu adalah kesucian dan itu adalah alam bersih tetapi kita hendak pergi ke tempat itu ada benda yang boleh melarang kita pergi. Jadi, saya minta bagi pihak Kementerian yang berkenaan mengingatkan Majlis-majlis Daerah, janganlah buat sewenang-wenang sangat kerana hendak mencari perniagaan, Majlis Daerah hendak cari duit, taman yang

dibina beribu-ribu itu tidak dapat dinikmati oleh sebahagian orang terutama sekali kita orang Melayu yang beragama Islam. Dengan sebab itu saya minta perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sudah bercakap tadi bahawa kita bercakap biarlah dalam bidang kita sahaja dan saya tidak hendak sentuh kerana ada kawan-kawan lain yang akan menyentuh banyak perkara, maka dengan ini saya menyokong dan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajjah Rosnah.

**4.37 ptg.**

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Hohd. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya turut serta mengambil bahagian Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda dalam perasmian Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua rakyat Malaysia patut bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana sejak di bawah naungan pemerintahan Baginda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, negara makin bertambah maju jaya di dalam banyak bidang, terutama dari segi sains dan teknologi, dari segi ekonomi, dari aspek pelajaran, dari segi kesihatan, pertanian, perpaduan kaum serta kemasyarakatan.

Dalam Titah Baginda, Baginda menekankan supaya rakyat hendaklah menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama lain. Perkara ini amat tepat sekali kerana tanpa perpaduan kaum tentulah negara kita tidak dapat mencapai kemajuan yang dihasratkan oleh Kerajaan. Walaupun Jabatan Perpaduan Negara mempunyai fungsinya untuk mencapai matlamat yang mulia ini, saya rasa semua lapisan masyarakat mestilah betul-betul menghayatinya melalui pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, golongan belia dan seterusnya masyarakat umum.

Muhibbah di antara satu kaum dan berbilang kaum ini mestilah disemai sejak awal-awal lagi di dalam tiap-tiap individu. Aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Jabatan Perpaduaa Negara hendaklah selalu dikemaskini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pendidikan pula, kita patut ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Saudara Anwar Ibrahim serta pegawai-pegawainya di atas banyak kejayaan KBSR dan KBSM. Walau bagaimanapun, di atas rancangan untuk menyemak semula Dasar Pendidikan Negara amat kita alu-alukan kerana ini akan memberi lebih faedah kepada anak-anak kita yang akan menjadi rakyat Malaysia yang berilmu dan berdisiplin. Kesedaran sivik patut ditanam masa kanak-kanak masih kecil lagi, bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dan pembangunan sektor pertanian juga amat membanggakan dan kita patut pula ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi Junid serta pegawai-pegawainya. Banyak jenis buah-buahan bukan sahaja dinikmati oleh rakyat Malaysia bahkan dapat dieksport keluar negeri dan dapat pasaran yang istimewa. Dari segi penyelidikan pertanian pula berbagai-bagai teknologi telah dicipta. Walaupun begitu masih terdapat banyak lagi tanah-tanah terbiar ditumbuhi lalang. Siapakah harus dipertanggungjawabkan supaya perkara ini dapat diatasi. Adakah ini peranan JKKK atau petani atau belia.

Marilah kita sama-sama mencari jalan supaya perkara ini dapat dijalankan, mudah-mudahan tanah-tanah yang terbiar ini ditumbuhi oleh tanam-tanaman yang berfaedah dan mendatangkan hasil yang lumayan. Saya percaya Kementerian Pertanian, melalui jabatan negeri-negeri dan daerah akan sentiasa memberi kerjasama, bantuan dan nasihat kepada rakyat yang berusaha untuk membangunkan tanah-tanah terbiar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia. Dengan adanya program tersebut, negara kita akan menjadi tumpuan seluruh masyarakat antarabangsa. Bidang kebudayaan amatlah luas, jadi bagaimana agaknya kita akan tonjolkan kebudayaan kita. Adakah dengan lawatan-lawatan, pameran-pameran, persembahan-persembahan dan sebagainya. Saya suka hendak syorkan supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mewujudkan satu pusat kebudayaan, satu projek jangka panjang yang mungkin merupakan satu teater yang lengkap dengan berbagai-bagai aspek kebudayaan dari segi seni tari, seni lakon, seni suara, kraf-tangan dan sebagainya mungkin merupakan teater bergerak yang sangat popular di setengah-setengah negara. Walaupun kebudayaan Malaysia ada dengan caranya yang tersendiri, namun ianya boleh diubahsuaikan lagi supaya pelancong-pelancong bila tiba sahaja di Malaysia dapat berkunjung ke pusat yang dimaksudkan dan boleh melihat kegiatan-kegiatan kebudayaan yang amat mengagumkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kepujian patut juga diberi kepada ahli-ahli pasukan keselamatan kita terutama yang bertugas di sempadan sempadan negara Malaysia yang sanggup berkorban nyawa dan

meninggalkan isteri-isteri dan anak-anak mereka. Kerajaan kita patut kaji semula elaun-elaun mereka terutama yang tidak mempunyai apa-apa pangkat kerana sara hidup makin meningkat. Kita dapat tidur nyenyak sedangkan mereka bertarung nyawa. Ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada pasukan polis yang sentiasa sedia berkhidmat di mana sahaja mereka berada.

Tuan Yang di-Pertua, golongan belia adalah aset negara. Mereka patutlah diberi perhatian yang wajar, masih ramai para-para belia yang belum menjadi ahli persatuan belia. Jadi, mereka tidak punya tujuan dalam hidup mereka. Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama dengan jabatan belia patut mengadakan kempen-kempen supaya golongan belia ini menjadi ahli persatuan seperti MAYC, Pengakap, St. John's dan lain-lain badan, dengan ini mereka boleh dikawal mengikut landasan-landasan tertentu dan dapat mencegah mereka dari kegiatan yang kurang sehat. Belia adalah golongan yang aktif, jadi program-program belia patutlah selalu sesuai dan kemaskini. Saya juga berharap supaya persatuan-persatuan belia yang telah mati pendaftarannya dapat dihidup kembali. Kita harap peranan ini dapat dimainkan oleh pegawai-pegawai belia di daerah-daerah. Kita tidak nafikan bahawa belia mempunyai banyak program tetapi khusus pengurusan persatuan patutlah selalu diadakan kerana pemimpin-pemimpin belia ini saling bertukar ganti dan perlu bimbingan yang wajar bagi mencapai matlamat yang murni itu.

Mengenai dengan penerapan nilai-nilai Islam, kita rasa amat bangga kerana banyak usaha telah dirancang untuk mencapai matlamat tersebut. Contohnya menyemarakkan masjid tetapi adakah sambutan baik di seluruh negara dan semua masyarakat Islam dapat faham dan

mengerti akan tujuan yang mulia itu, sudahkah Imam-imam mendapat kursus yang sewajarnya. Begitu pula kelas-kelas Al-Quran kepada anak-anak kita. Saya harap supaya perhatian yang lebih sedikit bersama-sama imbuhan tertentu patut diberi sebagai insentif supaya kelas-kelas tersebut dapat diadakan disetiap pelusuk tanahair kita dan manfaatnya amat banyak sekali. Saya berharap supaya Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian serius akan hal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah serba ringkas pendapat saya. Sebelum saya akhiri ucapan saya sukalah saya menyampaikan satu penghormatan yang tinggi kepada pucuk pimpinan Kerajaan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita yang kita kasihi yang telah berjaya memimpin negara kita Malaysia yang kita cintai ini ke satu tahap yang amat membanggakan. Dengan ini saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Lau Jack Yoon.

**4.07 ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung pada 6hb Mac yang lalu. Bersama-sama dengan rakan-rakan saya, saya juga turut bangun membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ramai Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini

sudah membahaskan hampir semua perkara dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga menyentuh dua, tiga aspek dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ringkas tetapi adalah dinamik dan merangkumi segala aspek dalam hidup masyarakat dan negara kita. Duli Yang Maha Mulia telah memperingatkan semua lapisan rakyat terhadap tanggungjawab kita menjaga keharmonian dan kestabilan negara kita, tanpa kestabilan negara terutamanya keharmonian rakyat, pembangunan ekonomi negara kita tidak dapat berterusan dan dinikmati oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu keistimewaan yang terdapat di negara kita Malaysia ialah penduduknya yang berbilang bangsa dan masing-masing mengamalkan cara hidup dan adat istiadat yang berlainan.

Begitu juga kebudayaan yang diturun-temurunkan, bahasa yang digunakan serta agama yang dianuti pun berbeza antara satu kaum dengan yang lain. Namun muncullah selama ini rakyat Malaysia adalah hidup dalam keadaan aman, sentosa dan tenteram hasil daripada usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh berbagai pihak tertentu untuk memupuk perasaan harmoni. Pada pendapat saya usaha-usaha seperti ini bukan sahaja tidak boleh dihentikan malah ia harus dipergiatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak dapat menyangkal hakikat bahawa keharmonian antara rakyat adalah merupakan asas bagi menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Suasana yang tidak tenteram ini pastilah akan membawa kerosakan-kerosakan dan peristiwa yang tidak diingini. Peristiwa 13hb Mei adalah satu pengajaran yang berat kepada seluruh rakyat negara ini dan ia telah membangkitkan kesedaran setiap rakyat tentang pentingnya keharmonian di negara kita, jika kita hendak hidup berbahagia dan jika negara kita inginkan kemajuan dan pembangunan yang pesat. Boleh dikatakan tanpa perasaan harmoni di antara rakyat berbilang kaum, perpaduan tidak akan tercapai. Dalam suasana yang tidak harmoni atau aman, segala projek pembangunan negara akan tergendala. Akibatnya rakyat jelata akan menderita dan negara juga mengalami kerugian dan kerosakan.

Cubalah bayangkan betapakah bahayanya jika sesebuah negara sentiasa dalam keadaan huru-hara. Meskipun pada masa ini negara kita tidak menghadapi apa-apa masalah serius dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum namun setiap rakyat memang mempunyai kewajipan yang tertentu untuk menanam peraaaan harmoni, serta mengekalkannya di samping usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

Dalam hal ini, kita haruslah berhati-hati kerana wujudnya pihak-pihak tertentu yang suka memainkan isu perkauman demi memperkukuhkan kedudukan mereka. Ada pula berlumba-lumba menjadi pahlawan dalam kaumnya dengan cara membangkitkan isu-isu sensitif kaum-kaum yang lain. Mereka ini harus sedar tentang pentingnya keharmonian antara kaum serta negara pada keseluruhannya. Kepentingan diri seperti ini harus diketepikan supaya negara kita dapat terus maju. Menyusun semula masyarakat yang sedia ada sekarang bererti merobohkan benteng yang memisahkan berbagai-bagai kaum. Selama ini pemisahan kaum adalah disebabkan oleh latarbelakang, perkembangan sejarah dan ditambah lagi dengan warisan adat resam masing-masing kaum. Akibatnya masing-masing kaum seolah-olah dibahagikan kepada jenis pekerja, tempat kediaman dan pendapatan masing-masing. Pemisahan seperti itu menyekat secara langsung dan tidak langsung peluang bagi masing-masing kaum untuk bergaul bebas serta menjalinkan perasaan harmoni tidak kenal tidak cinta.

Perpaduan negara mesti dan hanya boleh wujud dengan kerjasama, perasaan muhibah, harmoni di dalam kaum sendiri serta di antara kaum-kaum. Hal yang harus diingati dalam usaha menyusun semula masyarakat ialah sementara memberi segala bantuan yang perlu untuk menolong sesuatu kaum, kepentingan kaum-kaum yang lain harus, dijamin supaya tidak, terjejas. Demi memelihara keharmonian antara kaum, pihak yang berkenaan harus memberi perhatian sewajarnya kepada semua faktor yang boleh menguntungkan semua kaum. Oleh itu, besarlah harapan saya sekiranya Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang diberi tanggungjawab untuk mengemukakan perakuan-perakuan yang boleh

digunakan oleh Kerajaan bagi mengubal dasar ekonomi selepas tahun 1990, harus mengutamakan perasaan harmoni dan perpaduan kaum serta pembentukan dan penghasilan kekayaan negara atau, dengan izin, creation of wealth dan bukannya terlalu mementingkan pengagihan kekayaan mengikut kaum. Kita harus memandang diri kita sebagai satu bangsa Malaysia dan bagaimana hendak bersaing dalam ekonomi dunia yang kian moden dan mencabar dalam keseluruhannya. Pendek kata, keharmonian antara kaum amatlah penting bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Rakyat yang bersatupadu akan dapat memikul beban memperjuangkan nasib dan masa depan negara. Demikianlah negara kita baru dapat mencapai kestabilan dan kemajuan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang lain yang amat penting kepada kita ialah pendidikan. Pendidikan memberi peluang-peluang untuk mengembangkan potensi-potensi sama ada kaum lelaki atau kaum wanita supaya mereka boleh menjadi warganegara yang berproduktif dan berguna. Pendidikan bukan sahaja satu hak asasi setiap individu. Tetapi tanpa pendidikan, sebilangan besar rakyat akan menjadi satu kerugian yang besar. Sebagai sumber tenaga untuk kemajuan sebuah negara, untuk menghindarkan kerugian ini, Kerajaan harus mengekalkan disiplin di sekolah-sekolah supaya jenerasi muda kita akan menerima pendidikan yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang bercita-cita mencapai kejayaan di mana-mana bidang, haruslah mempunyai disiplin. Tiada disiplin, tiada kejayaan. Tiada tempat yang lebih sesuai dan tepat untuk menyemai benih disiplin selain daripada di sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah disiplin di sekolah telah berbangkit beberapa kali. Masalah ini perlu diatasi dengan segera sebelum ia menimbulkan lagi banyak masalah sosial pada masa kelak. Tindakan atau hukuman yang selalu dijalankan ialah merotan, menggantungkan pembelajaran atau pemberhentian persekolahan mereka yang terbabit. Hukuman ini tidak memberi kesan yang positif bagi pelajar-pelajar yang sering menimbulkan masalah disiplin. Sebuah sekolah khas untuk pendidikan akademik harus didirikan bagi mendidik mereka mengikut program-program yang disusun khas untuk mereka. Sekolah khas itu mesti menitikberatkan program bimbingan dan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula dalam usaha mengatasi masalah disiplin, perkara berikut juga tidak boleh ditinggalkan.

Pertama, mengapakah guru-guru kini kurang benar melibatkan diri dalam profesyennya?

Kedua, adakah nisbah guru-murid sehingga sekarang bersesuaian?

Ketiga, adakah bilangan pelajar dalam sesebuah kelas terlalu ramai sehingga di luar kawalan guru kelas itu?

Keempat, perlukah kita mengkaji semula sistem pendidikan kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berasa bahawa ibu-bapa sendiri adalah orang yang memainkan peranan yang terpenting memberi disiplin dan menolong pihak sekolah mengekalkan disiplin di sekolah. Jika pihak ibu-bapa boleh mengeneipkan lebih banyak masa untuk mendampingi anak-anak mereka tentulah banyak masalah disiplin boleh dielakkan. Menjaga disiplin anak-anak mereka adalah tanggungjawab setiap ibu-bapa.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang lain yang saya hendak sentuh ialah buah-buahan tempatan. Kita tidak boleh menafikan bahawa ekonomi negara kita sedang pulih adalah satu tanda yang menggalakkan tetapi kita harus berusaha lebih giat untuk meningkatkan perkembangan ekonomi negara kita.

Satu bidang yang kita harus meninjau ialah kemajuan industri buah-buahan. Setakat ini pengeluaran buah-buahan tempatan negara dipandang sebagai perusahaan yang dikerjakan sambil lewa sahaja. Orang-orang kampung menanam pokok buah-buahan sekadar untuk memberi hasil pendapatan tambahan. Mereka tidak mengerjakannya sebagai matapencarian utama.

Oleh sebab itu, sikap dan cara menanam pokok buah-buahan yang sudah ketinggalan zaman masih diteruskan. Hasil yang didapati sedikit sahaja, jauh dari matlamat pengeluaran secara besar-besaran

yang dapat memenuhi keperluan seluruh negara. Akibatnya hasil buah-buahan tempatan tidak murah jika dibandingkan dengan harga buah-buahan yang diimport. Ada banyak kawasan yang luas terbentang di negara ini baik dari segi cuaca, keadaan tanah dan banyak cara yang lain yang sesuai untuk menanam banyak jenis buah-buahan tetapi selama ini sikap rakyat negara ini terhadap kegiatan ekonomi bidang ini acuh tidak acuh sahaja. Akibatnya bidang ekonomi yang harus diterokai itu tidak dikerjakan dengan bersungguh-sungguh sehingga boleh mendatangkan keuntungan yang besar daripadanya.

Daripada segi yang lain, oleh sebab sikap acuh tak acuh, banyak kebun buah-buahan yang sedia ada itu dibiarkan hidup mati dengan sendirinya. Lambat laun dengan secara tidak sedar orang-orang kampung terutamanya telah menghilangkan satu sumber kehidupan yang penting dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Akibat kempen menggalakkan orang ramai memakan lebih banyak buah-buahan tempatan jumlah wahg negara yang dibelanjakan untuk mengimport buah-buahan telah sedikit sebanyak dapat dikurangkan. Keuntungan dari segi yang lain boleh juga didapati sekiranya perusahaan menanam buah-buahan tempatan dapat diperkembangkan serta diselaraskan dengan perusahaan mengetin. Memang benar buah-buahan tempatan boleh menggantikan buah-buahan yang diimport baik dari segi kelazatan rasa, kekayaan vitamin dan kenikmatan rasa yang lain seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Pengetinan seumpama itu bukan sahaja boleh menjimatkan sejumlah besar pertukaran wang asing, malahan akan memberikan nafas baru ke arah memperkembangkan kawasan luar bandar serta penggunaan tanah terbiar dengan sepenuhnya. Ia juga boleh menolong melaksanakan

dasar mempelbagaikan pertanian di kawasan luar bandar khususnya.

Sekiranya bidang ekonomi ini dapat diusahakan secara besar-besaran, ia dapat mendorong perusahaan di kawasan luar bandar membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan luar bandar. Dengan itu hasil pendapatan orang-orang kampung akan bertambah dan taraf hidup di kawasan luar bandar turut meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengemukakan satu cadangan lagi berkenaan perbandingan kedudukan negara kita dengan negara-negara lain dari segi eksport nenas. Pada suatu masa dahulu Malaysia adalah sebuah negara pengeksport nenas yang utama di dunia, tetapi daripada penyelidikan oleh sebuah akhbar tempatan berkenaan dengan jumlah tin-tin nenas yang dieksport 43,000 tan nenas dalam tin dieksport oleh Malaysia dan 214,000 tan dari Filipina dan 275,000 tan dari negara Thailand. Apakah sebab-sebabnya perusahaan mengetin nenas di Malaysia merosot, manakala industri tersebut di negara Thai dan Pilipina maju dengan begitu pesat, sedangkan Malaysia pernah mendahului kedua-dua negara itu dalam bidang ini?

Saya berpendapat ada beberapa sebab iaitu kita ketinggalan di bidang ekonomi mengenai buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya berharap Kerajaan dapat memperuntukkan bantuan kewangan atau memberikan insentif-insentif yang lain bagi menolong pekebun-pekebun buah-buahan. Bantuan itu haruslah benar-benar sampai ke tangan pekebun itu sehingga membolehkan mereka menanam semula kebun buah-buahan seperti mereka yang mengerjakan menanam semula getah. Bentuk-bentuk bantuan yang lain seperti khidmat-nasihat, pemberian baja, baka benih yang lebih baik juga harus disampaikan. Selain daripada itu sebuah institut penyelidikan buah-buahan seperti dengan izin, Rubber Research Institute (RRI) bagi getah dan PORIM (Palm Oil Research Institute Malaysia) bagi kelapa sawit harus didirikan untuk menjalankan penyelidikan demi mempertingkatkan lagi mutu buah-buahan yang bakal dieksport ke luar negeri. Usaha menanam pengeluaran buah-buahan tempatan harus disertai dengan usaha memperbaiki sistem pemasaran buah-buahan, baik dari segi pasaran tempatan ataupun pasaran antarabangsa.

Kerajaan haruslah memastikan kedua-dua usaha tersebut dijalankan secara serentak kerana penanaman dan pengeluaran buah-buahan tempatan tanpa pasaran akan membawa penderitaan kepada pekebun-pekebun. Hanya dengan itulah matlamat yang dikejar itu akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Usul Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda pada 6hb Mac, 1989 yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajjah Rogayah,

#### **5.11 ptg**

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyusun sembah dalam menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan hujah-hujah saya, saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perlantikan saya bagi penggal kedua sebagai ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sebagai bekas pegawai tentera yang pernah dikerah berkhidmat selama 8 tahun saya menyedari hakikat bahawa bekas-bekas perajurit khususnya memang agak terbiar walaupun

mereka mempunyai persatuan dan koperasi mereka sendiri, Ini ialah berbanding dengan kedudukan bekas-bekas perajurit di negara-negara Komanwel khususnya di mana mereka bukan sahaja hidup teratur malahan mereka juga mempunyai sekolah-sekolah dan hospital-hospital mereka sendiri. Mereka terus hidup dengan teratur kadangkala di bawah Jabatan Perdana Menteri mereka sendiri.

Perkhidmatan selama 21 tahun dalam Angkatan Tentera dan lebih kurang 45 tahun umur semasa bersara mereka ini saya rasa masih **ber-**tenaga dan saya kira mereka-mereka yang akan bersara ini masih boleh ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA semasa mereka mengambil alih kursus peralihan ataupun terus ditempatkan di rancangan-rancangan PELDA sendiri yang siap untuk menerima peneroka-peneroka. Mudah-mudahan selepas mereka bersara, setelah ada tempat untuk mereka memulakan penghidupan baru dengan jaminan masa depan yang teguh. Sebagai ganjaran di atas perkhidmatan dan pengorbanan mereka saya juga berharap mulai daripada hari ini pesara-pesara yang tamat berkhidmat selama 21 tahun atau mereka-mereka yang cuma berkhidmat 10 tahun diberi tempat di semua rancangan FELDA di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak awal tahun 1987 sehingga hari ini adalah menggalakkan. Secara purata kadar pertumbuhan sebanyak 8% ini menunjukkan satu proses pemulihan yang bersumberkan eksport yang berpotensi mengukuhkan pertumbuhan. Tetapi, sekiranya tidak dikawal inflasi mungkin meletus. Dengan ini beberapa langkah perlu diambil untuk mengukuhkan pertumbuhan ini di samping mengurangkan pengangguran yang agak meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan melalui ekaport hasil dari peningkatan harga eksport utama negara memperlihatkan sifat pergantungan ekonomi kepada sektor luar yang mana ketidak pastian dan ketidak stabilan harga sering menjadi penghalang kepada pembangunan negara. Penggantungan ini perlu dikurangkan. Dalam hal ini asas eksport perlu diluaskan. Juga, Kerajaan harus menumpukan perhatian kepada usaha meningkatkan kegiatan penggunaan dan pelaburan untuk mencapai pertumbuhan yang melibatkan masyarakat dengan lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan penggunaan Kerajaan harus memberi tumpuan kepada kekuatan kuasa membeli, Ini melibatkan dua golongan Pada golongan yang kena cukai, Kerajaan harus mengurangkan cukai pendapatan. Ini juga akan meningkatkan pendapatan boleh guna. Kepada golongan miskin Kerajaan harus meningkatkan program membasmi kemiskinan di samping memberi khidmat subsidi tunai yang membolehkan golongan ini meningkatkan penggunaan, Apabila penggunaan meningkat maka sememangnya penawaran akan meningkat juga. Namun ini bergantung kepada pelaburan. Untuk inilah Kerajaan perlu menumpukan perhatian kepada pelaburan supaya peningkatan penggunaan tidak akan mencetuskan masalah inflasi hasil dari constraint pengeluaran seperti kesulitan memperolehi sumber modal cukai korporat yang tinggi dan red-tape birokrat. Dalam hal ini cukai korporat harus dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan,

Kerajaan juga harus peka kepada iklim pelaburan negara-negara ASEAN supaya insentif pelaburan di Malaysia adalah setanding dengan negara-negara jiran. Namun demikian pembentukan insentif mestilah memanfaatkan golongan pekerja. Dari segi bayaran upah minima yang adil serta penggalakan kegiatan kesatuan sekerja yang dinamis dan membina. Pengeluaran yang berunsurkan eksport perlu digandungi oleh industri small and medium scale, dengan izin, yang lazimnya intensif buruh yang mampu mencipta upward and backward linkage. Dengan ini cukai pembangunan perlu dimansuhkan dari industri ini untuk menggalakkan perkembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan masih menjadi persoalan negara dan masih perlu perhatian serius dalam semua aspek. Kita seharusnya tidak lupa kepada masyarakat desa, masyarakat kampung tradisi, masyarakat nelayan, masyarakat penjaja, masyarakat peneroka yang rata-rata kehidupan mereka di bawah kadar kemampuan normal. Kadar pendapatan bulanan mereka, penyertaan mereka dalam sektor-sektor industri sama ada kecil atau sederhana, penyertaan mereka dalam bidang pelajaran maka rata-rata masih di tahap yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat menganggarkan 30% daripada 2,370,000 keluarga di Malaysia adalah miskin dan banci terakhir negara menunjukkan 49.3% dari semua keluarga di Malaysia menerima pendapatan di bawah garis kemiskinan dan 86% berada di luar bandar. Ini adalah satu gambaran yang sedih dan mungkin penyakit ini sukar disembuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kita perlu

mengambil kira masih ada petani kita yang pendapatannya kurang dari \$50.00 sebulan. Masih ada nelayan kita yang pendapatannya kurang dari \$50.00 sebulan. Oleh itu penekanan mesti diteruskan demi untuk mengelakkan mereka ini dari terbiar yang mungkin memperbesarkan lagi jurang perbezaan di antara yang kaya dan yang miskin di negara ini yang sudah tentu jika ianya dibiarkan berleluasa akan menjejaskan perpaduan dan keharmonian nasional.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini ketegangan semakin meruncing. Isu-isu suku kaum menjadi-jadi. Isu ini diperbesar-besarkan oleh golongan-golongan tertentu. Sifat kenegerian juga diagung-agungkan malah usaha menonjol-nonjolkan keutuhan negeri-negeri dilaung-laungkan sehingga ada golongan yang terlupa pada diri sendiri dan tidak disedari tindakannya telah membelakangkan usaha-usaha gigih Kerajaan Barisan Nasional. Semua ini adalah bibit-bibit yang pahit, bara yang panas yang andainya tidak diawasi akan terpijak diri dan akah membakar tapak-kaki kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu peristiwa pahit 13 Mei berulang lagi. Atas kesedaran inilah bersama fakta-fakta tadi maka satu susunan perlu dirumus semula untuk mencantumkan persaudaraan yang luhur di kalangan semua rakyat dengan memberi keutamaan kepada aspek-aspek yang lebih luas seperti penggunaan bahasa, sistem pendidikan, pembahagian ekonomi golongan rendah dan sederhana; gabungan kebudayaan di semua peringkat, integrasi kaum dipertingkatkan, perdu asal ilmu kemanusiaan mengikut kaum dipertingkatkan dengaa agama Islam sebagai tunjangnya.

Oleh itu Kementerian Pendidikan adalah satu ejen yang paling berkesan dan dalam menyusun struktur ini hendaklah dipertanggungjawabkan dengan dibantu bersama-sama oleh Kementerian dan agensi-agensi lain dengan sama-sama merangka satu reformasi yang menyeluruh selaras dengan kehendak-kehendak negara yang antaranya sistem pendidikan adalah satu unsur penting ke arah pembentukan satu Budaya Nasional dan perpaduan kaum. Kementerian Pendidikan hendaklah melihat ianya sebagai satu ejen pembentukan keadilan sosial yang akan menentukan ke arah mana haluan Budaya Nasional, ke tahap mana kemantapan perpaduan dan ke tahap mana pembangunan sosial itu wujud dan ke arah mana pula susunan masyarakat itu hendak dibawa. Tepuk dada tanya selera, melentur biarlah waktu rebungunya.

Adalah diingatkan bahawa pengagihan itu hendaklah diseimbangkan pembahagiannya. Kehendak-kehendak itu hendaklah sama rata dengan kawasan-kawasan di luar bandar. Kementerian Pendidikan tidak sepatutnya bersendirian tetapi kerjasama dari semua pihak dalam tujuan menyusun semula masyarakat Malaysia yang majmuk ini.

Dengan kata-kata itu, saya memohon menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

**5.23** ptg.

**Tuan Lim Heng Tee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, kita menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menitahkan bahawa Kerajaan akan memberi perhatian utama kepada matlamat meningkatkan lagi perpaduan negara yang mana akan menjadi matlamat bagi semua dasar Kerajaan dalam bidang pembangunan sosio ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan pembangunan-pembangunan yang lain. Untuk mencapai perpaduan negara, usaha-usaha mesti disokong oleh semua rakyat.

Titah Ucapan tersebut sangatlah bererti bagi rakyat dan Kerajaan memandangkan kita telah merdeka 31 tahun. Walaupun kita telah mencapai banyak kemajuan dan pembangunan di negara kita tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa rakyat kita tidaklah begitu berpadu seperti kita mula-mula mencapai kemerdekaan 31 tahun yang lalu. Sebenarnya polarisasi kaum menjadi lebih dahsyat dan lebih bahaya disebabkan kegiatan-kegiatan petualang-petualang politik dan juga penyalahgunaan dan penyelewengan dasar-dasar negara. Ramai ahli-ahli politik sengaja mempermainkan isu-isu perkauman untuk membangkitkan sentimen perkauman kerana hendak menjadi wira—wira dan jaguh-jaguh kaum masing-masing. Kesudahannya ialah mereka itu mencapai niat politik mereka dan terus naik, pangkat, sementara ketegangan kaum dan salah faham menjadi lebih buruk dan rakyat berpecah-belah dan tidak puas hati.

Pada masa yang lalu Kerajaan telah membuat beberapa kesilapan dengan menjalankan dasar-dasar dan langkah-langkah tanpa merujuk dan merunding dengan mendalam dengan rakyat terlebih dahulu. Misalnya Akta Pertubuhan, Undang-undang Buruh, beberapa langkah-langkah pentadbiran pendidikan, Dasar Kebudayaan Negara, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain telah dibuat dan dilaksanakan secara mendadak tanpa merujuk dan membincang dengan mendalam terlebih dahulu dengan pihak-pihak yang berkenaan. Akibatnya berlakulah 'anomaly', keresahan dan kucar-kacir dalam sistem pentadbiran di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira kerana selepas lama kita berbalah dan memujuk, Kerajaan nampaknya telah mulai memberi perhatian kepada hasrat rakyat. Mengikut lunas-lunas demokrasi Kerajaan telah membentuk sebuah Majlis Perundingan Ekonomi Negara ataupun MPEN yang terdiri daripada wakil-wakil kumpulan dalam masyarakat kita untuk menyemak Dasar Ekonomi Baru serta membuat rekomendasi kepada Kerajaan bagi menggubal Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990. Memang terdapat ulasan dan bidasan berkenaan dengan keberkenanan MPEN itu, tetapi penubuhan MPEN adalah satu langkah yang baik. Ini menunjukkan Kerajaan rela mendengar dan menimbangkan pendapat dan pandangan rakyat. Kerana ini sahajalah saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan atas amalan demokrasi serta bersikap terbuka.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk membuat beberapa pemerhatian mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini. Yang pertama, daripada 150 ahli MPEN itu, 75 adalah Bumiputera dan 75 adalah bukan Bumiputera. Ini pada pendapat saya bukanlah satu susunan yang baik sebab pada permulaannya kita sudah bahagikan Majlis Perundingan Ekonomi Negara ini kepada dua kelompok. Kelompok Bumiputera dan kelompok bukan Bumiputera. Apakah yang telah berlaku? Kita diberitahu bahawa ahli-ahli Bumiputera telah memanggil masyarakat sesama sendiri untuk membincang dan merancang strategi yang mana untuk kelompok Bumiputera dan sekarang MCA pula yang mendakwa ia mawakili kaum Cina di negara ini telahpun tampil ke hadapan menjemput ahli-ahli kaum Cina dalam MPEN dan Pertubuhan-pertubuhan kaum Cina untuk bermesyuarat supaya merancang satu strategi yang sama untuk kelompok orang Cina. Adakah MIC juga akan buat demikian dengan memanggil semua kaum India bermesyuarat?

Bagaimana pula tentang kaum-kaum lain seperti Kadazan, Dayak, Iban, Murut dan lain-lain, tidak ketinggalan juga Orang-orang Asli.

Memang ada baiknya bagi berbagai-bagai kumpulan mengadakan perbincangan secara tidak formal untuk mencapai persefahaman yang lebih tetapi bukanlah mengikut cara perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini tidaklah sihat dan akan merosakkan lagi perpaduan negara kerana sebelum kita duduk bersama-sama sebagai rakyat Malaysia untuk membincangkan Dasar Ekonomi Negara dan perpaduan negara, kita telahpun mengasingkan diri kita untuk merancang bagaimana hendak berlawan satu sama lain. Bagaimanakah kita hendak mencapai perpaduan negara dalam keadaan konfrantasi seperti ini? Sudah tentu ini akan membawa kepada polarisasi dan ketegangan kaum dan akhirnya Majlis Perundingan Ekonomi Negara akan menjadi satu forum politik yang sukar hendak mencapai tujuannya.

Berhubung dengan matlamat MPEN, saya rasa penekanan dan keutamaan hendaklah diberi kepada pertumbuhan ekonomi dan pembahagian faedah yang adil dan saksama berdasarkan kepada keperluan dan bukan mengikut kaum atau anutan atau ketamakkan. Pada masa ini di mana pertumbuhan ekonomi adalah lembap dan kadar pengangguran amat tinggi, pembahagian mengikut kadar kaum dan penyusunan semula masyarakat tidak sesuai diberi penekanan yang terlalu sangat kerana ini akan menghindar pertumbuhan dan menyekat produktiviti serta tidak menggalakkan pelaburan sama ada dari luar negeri ataupun dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menghadkan penggunaan bahasa adalah satu lagi kelemahan MPEN. Saya difahamkan bahawa bahasa Inggeris hanya boleh digunakan di Mesyuarat Jawatankuasa dan tidak boleh digunakan di Mesyuarat Majlis penuh. Had seumpama ini telah menyebabkan rasa kurang senang dan tidak menggalakkan peserta-peserta yang kurang mahir dalam Bahasa Malaysia untuk mengambil bahagian; Tugas MPEN hanya menumpukan kepada idea dan pendapat tetapi dan bukan memajukan bahasa. Saya yakin lebih daripada 90% ahli-ahli MPEN itu fasih dalam bahasa Inggeris, akan tetapi kebanyakan ahli-ahli bukan Melayu tidak begitu fasih dalam Bahasa Malaysia dan oleh yang demikian tidaklah dapat mereka selancar seperti dalam bahasa Inggeris. Jika penterjemahan didapati perlu, maka hendaklah diatitkan kemudahan untuk penterjemahan. Jika kita ikhlas dan serius dalam memungut idea dan pandangan, kita patut memberi segala kemudahan untuk

mbolehkan mereka mengambil bahagian dengan perasaan senang hati dan cergas dalam semua peringkat perbincangan.

Bagi mencapai perasaan muhibbah dan menjaga kaamanan di dalam negeri, Baginda telah menitahkan semua pihak mengelakkan diri daripada membangkitkan perasaan perkauman. Baginda juga telah mengingatkan kita. semua khasnya ahli-ahli politik, pertubuhan-pertubuhan tertentu dan akhbar-akhbar supaya bersikap sederhana dan lebih bertanggungjawab apabila memberi pandangan mengenai sesuatu isu. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kenyataan umum yang dibuat oleh seorang ahli Kabinet baru-baru ini. Menteri yang muda ini telah membangkitkan sentimen perkauman dengan menegakkan pengkekalan ketuanan sesuatu kaum atau, *insisting on the perpetuation of the dominance of a certain race*, dengan izin. Ini telah menjahanamkan perasaan keselamatan ataupun *sense of security*, dengan izin, dan perasaan cinta kepada negara atau *sense of belonging*, dengan izin, kaum-kaum lain. Ini menyebabkan mereka terasa bahawa mereka hanyalah rakyat kelas dua di negara ini.

Pihak yang berkuasa hendaklah mengambil tindakan keras ke atas semua yang membangkitkan sentimen perkauman dan yang menyebabkan ketegangan dan salah-faham antara kaum. Menteri Kabinet khasnya hendaklah menunjukkan teladan yang baik dan tidak membuat kenyataan yang prejudis atau yang boleh merosakkan keamanan dan keharmonian dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, penahanan secara besar-besaran pada bulan Oktober tahun 1987 pada umumnya dianggap patut supaya mententeramkan keadaan yang agak explosive itu. Kerajaan telah membebaskan kebanyakan orang tahanan apabila keadaan memulih. Oleh itu saya berpendapat bahawa kesemua orang tahanan harus dibebaskan kerana penahanan seterusnya.....

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Apakah maksud saudara Yang Berhormat semua orang tahanan mesti dibebaskan termasuk yang merompak, yang membunuh orang dan sebagainya, sebab dia kata semua? Saya sekadar ingin minta penjelasan.

**Tuan Lim Heng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata orang yang menimbulkan perkara-perkara yang boleh mengakibatkan perasaan perkauman patut dicegah dan Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menahan beberapa orang. Tetapi sekarang selepas keadaan sudah memulih macam biasa, Kerajaan pun mengambil tindakan untuk membebaskan orang-orang yang telah ditahan itu. Dengan izin, saya berpendapat bahawa kesemua orang yang ditahan pada bulan Oktober, 1987 itu harus dibebaskan sekarang sebab keadaan sudah pulih seperti biasa. Penahanan seterusnya adalah tidak payah dan wajar sebab ini akan memberi suatu anggapan yang salah kepada orang bahawa keadaan keselamatan tidak stabil dan seterusnya akan menjejaskan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan dan juga pemiagaan dan pelaburan di negara ini.

Lagi pun, penahanan Ahli-ahli Politik dengan terus-menerus terutamanya pemimpin-pemimpin Parti Pembangkang akan menaikkan imej mereka dan menjadikan mereka hero di kaca mata orang awam. Umpamanya ada seorang Ahli Parlimen Pembangkang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang pernah ditahan dan dibebaskan baru-baru ini selalu berkelakuan kurang sopan dan bergaduh dengan Speaker di Dewan Undangan Negeri sehingga beliau dihalau keluar oleh anggota polis yang dipanggil oleh Speaker. Itulah apa yang dikehendaki oleh seorang yaag suka buat kacau-bilau. Apabila tibanya Pilihanraya Umum, beliau tidak payah membuat sesuatu tetapi hanya mencetak dan mengedarkan poster-poster beliau mencabar polis bagaikan seorang hero. Akhirnya beliau memenangi pilihanrayanya dengan majoriti yang besar, begitu sahaja. Oleh kerana situasi telahpun pulih kepada keadaan biasa, orang tahanan itu tidak lagi mengancam keamanan dan keselamatan aegara. Kenapa masih menahan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapannya Baginda menitahkan bahawa untuk membaiki dan meningkatkan sistem pendidikan, semua pihak mestilah memberi kerjasama dan menyumbang secara membina kepada usaha-usaha dan program-program Kerajaan. Pendidikan adalah satu perkara yang penting dan rumit. Ia memerlukan banyak kesabaran dan perundingan sebelum satu sistem pendidikan negara dan dasarnya dapat diterima oleh semua pihak. Kita mesti mengakui bahawa selama ini Dasar Pendidikan kita dan pelaksanaannya sentiasa menjadi punca kontroversi dalam negara kita.

Saya gembira bahawa selepas perbalahan tahun demi tahun Kerajaan akhirnya bersetuju menyemak semula Akta Pelajaran 1961. Tetapi malaungnya, cara Akta Pelajaran ini disemak tidaklah memuaskan dan membangkitkan perasaan syakwasangka. Sehingga hari ini belum pernah mengadakan sebarang perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti ibubapa, guru-guru, lembaga-lembaga sekolah dan lain-lain. Kita memerhatikan bahawa kerja penyemakan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian secara senyap-senyap. Mengapakah pegawai-pegawai sahaja yang membuat penyemakan ini? Tidakkah pendapat dan pandangan ibubapa, guru-guru dan lain-lain yang berkenaan itu juga penting dan berguna dalam membentuk Dasar Pendidikan Negara? Soal pendidikan adalah satu perkara yang terlalu besar dan penting untuk diserahkan kepada beberapa orang pegawai pendidikan

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah menunjukkan bahawa ia sahaja.

adalah demokratik dan sedia menerima pendapat dan pandangan orang ramai dalam menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara bagi

menyemak Dasar Ekonomi Baru dan sedia menerima perakuan-perakuan untuk menggubal suatu Dasar Ekonomi Negara. Adakah Kementerian Pendidikan akan menubuhkan juga sebuah Majlis Perundingan Pendidikan Negara (MPPN) untuk menyemak Dasar Pendidikan yang ada sekarang dan menerima perakuan-perakuan bagi menggubal satu Dasar Pendidikan Negara yang baru? Saya cadangkan Majlis seperti ini ditubuhkan dan ahli-ahlinya mestilah termasuk wakil-wakil ibubapa, guru-guru, kumpulan-kumpulan masyarakat yang tertentu, pakar-pakar pendidikan dari sektor swasta dan lain-lain.

Saya percaya, bahawa dengan adanya perasaan penuh ikhlas dan hormat menghormati di antara ahli-ahli Majlis yang saya cadangkan itu tentulah Majlis itu dapat mengemukakan perakuan-perakuan bagi menggubal Dasar Pendidikan Negara Baru yang boleh diterima oleh semua pihak. Adakah Kementerian Pendidikan akan menimbangkan cadangan saya ini?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara pendidikan, saya ingin menyentuh sedikit tentang isu kelebihan guru bahasa yang mengajar matapelajaran-matapelajaran bukan bahasa di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Keadaan ini telah melanggar Akta Pelajaran 1961 dan mengancam sifat-sifat (character) sekolah-sekolah berkenaan. Jawatankuasa 3 orang yang terdiri daripada Menteri Pendidikan, Menteri Buruh dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dilantik oleh Kabinet untuk menyelesaikan isu itu telah membuat keputusan bahawa semua Guru Besar yang berkenaan mesti mendapatkan persetujuan PIBG atau Pertubuhan Ibubapa dan Guru-guru masing-masing sebelum membuat rekomendasi untuk pemindahan guru—guru.

Tuan Yang di-Pertua, cara ini sudah tentu tidak betul dan akan menyebabkan kucar-kacir dalam pentadbiran sekolah. Soal penempatan dan pemindahan guru-guru ke mana-mana sekolah pun adalah tugas pentadbiran biasa seseorang Guru Besar. Mengapakah Guru Besar dikehendaki mendapatkan persetujuan PIBG? Adakah Kementerian Pendidikan bercadang memberikan PIBG kuasa seperti ini supaya pada masa hadapan PIBGlah yang akan mengawal pentadbiran sekolah dan mengarahkan Guru Besar bagaimana hendak mentadbir sesebuah sekolah? Kita hendaklah jangan lupa bahawa dalam perlembagaan PIBG pun tidak ada apa-apa peruntukan untuk PIBG mencampurtangan dalam urusan pentadbiran sekolah.

Dalam konteks ini, apakah kuasa dan peranan Jemaah-jemaah Pengurus Sekolah? Sebenarnya masalah yang berbangkit dari kelebihan Guru-guru. Bahasa di SRJK adalah disebabkan oleh salah tadbir Kementerian tersebut. Pihak Kementerian tahu lebih awal lagi bilangan guru-guru matapelajaran yang dikehendaki di sesebuah sekolah sebelum penggal pertama bermula. Namun demikian ia menghantar guru-guru yang tidak dikehendaki ke sekolah-sekolah tersebut. Mengapakah begitu? Tidakkah ini menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab dan kurang cekap?

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa tiga orang itu mestilah menyemak semula keputusan awal mereka itu dan membuat keputusan yang lebih wajar dengan segera, Kalau tidak, pentadbiran di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan akan menjadi kucar-kacir.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh secara ringkas mengenai perkara pelancongan. Kerajaan telah mengisytiharkan tahun

1990 sebagai "Tahun Melawat Malaysia". Berhubung dengan perkara ini, ingin saya mengatakan bahawa pelancong-pelancong dari luar negeri datang ke Malaysia bukan kerana pantai kita indah ataupun pemandangan di negara kita indah. Sebenarnya kebanyakan mereka yang datang ke sini hendak melihat dan mengalami sifat-sifat istimewa rakyat yang berbilang kaum, yang berlainan agama dan berlainan kebudayaannya. Oleh yang demikian adalah mustahak bahawa segala galakan dan bantuan diberi bagi memaju dan mengembangkan berbagai-bagai kebudayaan dan agama di negara kita supaya Malaysia akan menjadi lebih menarik kepada pelancong-pelancong dari luar negeri. Usaha-usaha ini akan membantu kejayaan projek "Tahun Melawat Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mendesak Kerajaan Persekutuan mengamalkan satu polisi yang lebih liberal dengan membenarkan lebih banyak penerbangan yang terus mendarat di Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang yang pada masa sekarang belum digunakan dengan sepenuhnya. Pulau Pinang sebagai Mutiara Timur adalah sangat terkenal oleh orang-orang luar negeri yang mungkin lebih suka melawat Malaysia kalau mereka dapat terus terbang ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan ini kepada satu masalah yang serius iaitu masalah perjudian yang telah berkembang dengan luas dalam seluruh negara kita dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa sekarang rakyat Malaysia muda dan tua dari semua peringkat hidup sedikit sebanyak terlibat dalam beberapa jenis perjudian seperti Empat Nombor Ekor, Sports Toto, Casino, Lumba Kuda, Mesin-mesin Lumba Kuda, Loteri-loteri, Mesin-mesin Slot ataupun "One Arm Bandit", Permainan Video dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti perjudian telah merebak seliar api dan telah mengancam keamanan dan kemajuan yang teratur masyarakat kita, keamanan dan peraturan hidup masyarakat, kehidupan keluarga, disiplin dan pembelajaran sekolah, moral rakyat kita dan lain-lain telah terjejas.

Boleh diakui bahawa Perbendaharaan Persekutuan ataupun Kementerian Kewangan mengutip hasil cukai yang besar dari pembayaran lesen dan cukai perjudian dan ini mungkin adalah satu daripada sebab Kerajaan enggan mengharamkan semua perjudian. Walau bagaimanapun, sungguhpun mengharamkan semua kegiatan perjudian adalah satu perkara yang bukan mudah, tetapi tindakan yang tegas mestilah diambil untuk mencegah dan mengawal semua kegiatan perjudian sama ada berlesen

atau tidak supaya masyarakat kita dapat diselamatkan dari kerosakan lanjut dari segi kebendaan dan kerohanian.

Kerajaan telah melarang semua orang muslim berjudi, Ini adalah satu nilai Islam yang baik yang boleh diterima oleh semua. Ramai orang Cina gemar berjudi tetapi perjudian telah diharamkan dalam negara China dan Taiwan semata-mata kerana perjudian itu tidak baik dan merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan khususnya Perbendaharaan dan Polis bertindak segera dengan tegasnya untuk mencegah dan mengawal semua kegiatan perjudian dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah habis?

**Tuan Lim Heng Tee:** Belum, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Baginda, Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan penghormatan dan terima kasih terhadap Perkhidmatan Awam, terutamanya Pasukan Tentera, Pasukan Polis dan Pasukan Bomba yang telah berkhidmat dan berkorban untuk tanah dan negara kita. Dalam konteks ini oleh kerana jasa dan pengorbanan mereka, saya ingin mencadangkan di sini bahawa memandangkan ekonomi negara kita sudah beransur baik, Kerajaan patut mengkaji kemungkinan menaikkan gaji dan elaun mereka dan jika boleh juga memberi skim insurans dan tabung kebajikan yang lebih sempurna untuk mereka dan keluarga mereka.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong dengan sepenuhnya usul untuk mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang.

**5.56 ptg.**

**Tuan Foo Boon Liang:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang sebok menumpukan perhatian dan usaha bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, "semua lapisan rakyat perlu menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan di antara satu sama lain. Kepentingan diri hendaklah diketepikan supaya negara dapat terus maju. Perpaduanlah teras kemajuan". Malang sekali ada sebilangan pemimpin politik yang ingin menjadi wira sering menimbulkan hak istimewa sebahagian rakyat, di samping menegaskan layanan yang berbeza kepada kaum-kaum dalam ucapan mereka itu, khususnya di bidang ekonomi selepas 1990. Perkembangan ini adalah merbahaya dan tidak sihat kerana ia akan menjejaskan kestabilan politik di negara ini di samping menyinggung perasaan kaum-kaum yang lain. Jika ia berlarutan, pergolakan di lapangan politik akan mendapat perhatian utama Kerajaan dan bukan pembangunan negara. Maka matlamat Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya tidak akan mendapat perhatian Kerajaan secukupnya, dengan itu pencapaiannya akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya para pemimpin politik perlu lebih bertanggungjawab. Mereka yang ingin menjadi pemimpin kebangsaan janganlah bagai pepatah: rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku. Hak istimewa bumiputera terjamin di bawah pembangunan negara. Masa kini tiada seorang pun pemimpin politik bukan Melayu yang mempersoalkan atau membangkitkan isu itu, maka ia bukan satu isu dan tidak wajar dijadikan isu perjuangan, berwaspada, mereka bagai mulut disuap pisang, pantas dikait dengan onak.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong amat tepat sakali. Adalah menjadi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bahawa Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang dianggotai oleh wakil dari semua golongan masyarakat dapat berbincang dengan sikap yang terbuka dan saling faham-memahami. Sesungguhnya dengan ikhlas sepenuhnya, jika matlamat ini tercapai maka harapan negara masa depan masih cerah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan khas Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup mereka yang miskin amatlah baik dan membanggakan, tetapi rancangan ini perlu disebarikan supaya boleh mendapat perhatian dan sokongan rakyat. Dalam usaha itu saya menyeru kepada Kerajaan mengambil tindakan bagi mengurangkan jurang berbezaan di antara golongan yang berada dengan yang tidak berada tanpa mengira kaum. Marilah kita sama-sama menikmati kemakmuran negara. Sekian, terima, kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Behormat Tuan Sivalingam. Beri peluang kepada dia.

#### **6.02 ptg.**

**Tuan A.K. Sivalingam** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul menyembahkan ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda semasa membuka Penggal ketiga, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada, pihak Kementerian Penerangan Malaysia, terutama

kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Mohamed Rahmat atas usaha-usahanya meningkatkan mutu siaran RTM, Saya juga ingin menegaskan bahawa sejak kebelakangan ini rancangan-rancangan RTM, terutamanya di kaca televisyen sudah mula menarik ramai penonton-penonton dari berbagai kaum. Oleh yang demikian, sekali lagi saya merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Walau bagaimanapun, sebagai wakil kaum India, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa perkara yang menjadi buah mulut dan tanda tanya kaum India mengenai rancangan-rancangan untuk mereka.

Pertama, filem-filem Tamil setiap hari Sabtu, pukul 3.00 petang. Kami memang berpuas hati dengan tayangan gambar Tamil pada hari Sabtu, tetapi apa yang menjadi tidak senang ialah tayangan gambar-gambar Hindi pada hari Jumaat. Penayangan filem-filem Hindi harus dikurangkan, Sebagai cadangan, kami mahukan pihak Kementerian supaya menayangkan drama-drama Tamil dari India. Dengan ini drama ini akan menjadi panduan dan saya berharap mutu drama Tamil swasta di negara ini yang ditayangkan setiap hari Ahad, pukul 3.00 petang dapat dipertingkatkan lagi, baik dari segi tema, perwatakan mahupun dari segi arahan dan penggambaran cerita.

Kedua, Drama Tamil swasta setiap hari Ahad, pukul 3.00 petang. Tuan Yang di-Pertua, drama swasta Tamil yang ditayangkan setiap hari Ahad pukul 3.00 petang hingga 3.30 petang telah berjaya menarik penonton-penonton sejak kebelakangan ini. Akhir-akhir ini orang ramai telah mula menyuarakan kegembiraan mereka melalui media massa. Ini adalah kerana mutu drama swasta ini sudah menampakkan satu kemajuan yang pesat. Saya harap keadaan ini harus berterusan.

Di samping itu saya berharap bahawa RTM akan dapat berfungsi dengan lebih berkesan lagi ke arah mutu pengeluaran drama swasta yang lebih baik. Ekoran daripada ini RTM harus memberi perhatian kepada pengambilan beberapa kakitangan sepenuh masa, peningkatan pada bayaran kepada para pengeluar serta mengadakan kursus-kursus ataupun bengkel-bengkel drama sebagai tunjuk ajar kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan sesebuah drama.

Sehubungan dengan ini beberapa hari yang lepas, sebuah akhbar tempatan telah melaporkan bahawa tidak lama lagi drama swasta Tamil akan digantikan dengan drama dari Tamil Nadu iaitu dari India. Perkara ini adalah amat mendukacitakan kepada para penonton- penonton tempatan dan juga kepada para artis tempatan. Menurut akhbar tersebut masih lagi terdapat banyak drama swasta Tamil tempatan sudah sedia untuk ditayangkan, maka saya tidak faham dengan langkah pihak RTM yang ingin menggantikan dengan drama Tamil dari India. Keadaan ini sudah mula membawa ketidak senangan di kalangan masyarakat India Malaysia.

Sebagai Wakil Rakyat di Dewan Negara, saya dapat melihat suasana ini melalui media massa serta melalui pergaulan dengan mereka. Sebagaimana yang saya cadangkan sebelum ini, pihak RTM bolehlah menggantikan filem-filem Hindi yang ditayangkan pada hari Jumaat untuk tujuan drama dari Tamil Nadu dan bukannya penayangan pada hari Ahad.

Ketiga, Tumpuan Minggu setiap hari Rabu, pukul 5.00 petang. Tumpuan Minggu adalah satu-satunya program yang membawa mesej-mesej Kerajaan kepada rakyat, khasnya bagi masyarakat India Malaysia.

Daripada sudut pandangan saya sebagai Wakil Rakyat di Dewan Negara, rancangan ini ialah berjaya membawa kesan-kesan baik di kalangan penonton, tetapi rancangan Tumpuan Minggu ini telah diberhentikan tiba-tiba tanpa apa-apa alasan yang memuaskan. Sepatutnya RTM mesti sediakan rancangan gantian terlebih dahulu sebelum rancangan Tumpuan Minggu diberhentikan. Oleh yang demikian, saya sebagai wakil kaum India ingin memohon kepada pihak Yang Berhormat Dato' Menteri untuk memberi satu rancangan Tamil lain sebagai gantian Tumpuan Minggu.

Keempat, Berita, pukul 5,30 petang. Tuan Yang di-Pertua, kini Kementerian Penerangan Malaysia telah memberi lebih kurang 25 minit untuk tujuan Berita Tamil yang disiarkan setiap hari, pada pukul 5.30 petang. Masa yang ditetapkan ini adalah tidak mencukupi. Pada masa yang lampau kekurangan ini telah diatasi melalui berita bergambar yang dimuatkan bersama-sama dengan berita pada hari Khamis, tetapi kini ianya tidak ada lagi.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, berita gambar harus diadakan semula lagi. Dengan ini lebih banyak berita-berita pembangunan Malaysia dapat disalurkan kepada rakyat jelata negara ini. Perkara ini amatlah penting kepada kita sebagai rakyat negara pembangunan.

Yang kelima, rancangan-rancangan di waktu perayaan. Tuan Yang di-Pertua, memang masyarakat India ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada pihak RTM khasnya Yang Berhormat Dato' Menteri atas langkah-langkah yang diambilnya untuk menambahkan program-program di waktu-waktu perayaan. Kami memang sedar pihak RTM sedang menghadapi masalah tajaan pada masa-masa ini, tetapi perkara ini boleh diatasi atas dasar kerjasama. Tetapi apa yang membawa, ketidaksenangan ialah waktu siarannya. Rancangan ini adalah untuk tontonan orangramai. Apa pula kalau rakyat tidak dapat menontonnya, bukankah ini satu pembaziran? Ini adalah kerana kita ini mempunyai satu saluran TV swasta yang dipanggil TV3. Apa yang berlaku ialah masa siaran RTM dan TV3 adalah menjadi sama. Oleh yang demikian, saya syorkan supaya diadakan satu pertemuan antara kedua-dua pihak ini agar pertembungan masa tidak berlaku di masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu lagi perkara yang serius. Pada masa. sekarang satu kumpulan meminta permit untuk mengadakan Majlis Malam Kebudayaan dan pihak Polis meluluskan permit untuk tujuan tersebut. Tetapi semua orang termasuk pihak Polis sedar bahawa tujuan sebenarnya adalah untuk mengadakan satu parhimpunan politik dengan tujuan menghina Presiden MIC, Yang

Berhormat Dato' Samy Vellu, pemimpin-pemimpin MIC dan keluarga mereka. Saya tidak faham bagaimana pihak Polis boleh mengeluarkan permit untuk mengadakan perhimpunan politik bila ada undang-undang mengharamkan majlis politik di negara ini.

Saya juga difahamkan bahawa pihak kumpulan kecil ini ada mengutip wang daripada orang ramai tanpa kebenaran dan juga memaksa orang ramai untuk memberi wang kepada kumpulan ini untuk kegunaan mereka sendiri, Pihak Polis yang merakamkan ucapan-ucapan kumpulan ini mesti sedar bahawa kegiatan-kegiatan kumpulan ini menimbulkan perasaan tidak puashati terhadap dasar-dasar Kerajaan dan memecahkan masyarakat kaum India di negara ini. Oleh yang demikian, saya mahu pihak Polis untuk menasihatkan kegiatan-kegiatan, kumpulan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi saya satu peluang untuk membahas di Dewan yang mulia ini dan saya menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

**6.14ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk membahaskan Usul merafakkan sembah Menjunjung Kasih dan berbanyak syukur di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa perasmian Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu sungguh bernas dan mencakupi segala bidang pembangunan negara. Sebagai Ahli Dewan Negara ini, saya berasa bangga di atas Titah Ucapan Bagiada dan sepanjang Baginda memerintah negara ini telah menampakkan suatu kejayaan yang amat besar dan negara kita terkenal kepada seluruh mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa begitu singkat, saya ingin menyampaikan hujah-hujah saya ini kepada beberapa masalah yang menjadi kesulitan kepada rakyat di masa kini. Pertama saya ingin merujuk kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Saya berterima kasih kepada Kementerian ini bahawa di atas kesedarannya merombak lesen memandu kepada satu lesen yang berbentuk baru dan lebih bermutu. Tetapi apa yang kita dapati daripada lesen baru ini adalah satu kesulitan kepada pengguna-pengguna dan orang ramai di mana lesen ini hanya boleh diperbaharui dengan adanya satu lesen kembaran yang lain. Jadinya, kesulitan kepada pengguna ialah apabila hendak bergerak terpaksa membawa dua lesen. Ertinya satu lesen yang menunjukkan pengguna itu dan satu lagi tarikh lesen itu tamat. Tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan suatu lesen yang benar-benar mudah bagi pengguna-pengguna supaya tidak ada satu lesen kembaran lain yang boleh menyusahkan orang ramai apabila hendak bergerak ke mana-mana, walaupun lesen itu lebih baik dan lebih bermutu daripada yang telah sudah.

Begitu juga dengan pejabat-pejabat JPJ yang ada di daerah-daerah yang masa kini begitu sesak dan terus sesak dan saya berkali-kali melihat orang sentiasa beratur begitu panjang hingga ke luar pejabat itu kerana terlalu bersedak. Sebaik-baiknya JPJ seharusnya

membuka banyak lagi pejabat-pejabat ini di daerah-daerah. Saya ambil contoh di negeri Johor - Kota Tinggi, Kluang, Mersing, Pontian semuanya ini akan menuju ke pejabat JPJ Johor Bahru. Apakah tidak boleh pejabat-pejabat ini diwujudkan di daerah-daerah ini untuk memberi kemudahan kepada seluruh pengguna yang sekarang saya rasa lebih bertambah berlipat-ganda daripada 10 tahun yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Kementerian Penerangan, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Mohamed Rahmat sendiri kerana beliau telah memutuskan lesen radio dibatalkan. Walau bagaimanapun, rakyat diminta mengambil satu lesen untuk membolehkan mereka menyimpan alat siaran sebagaimana yang telah dikehendaki oleh Akta Telekom. Saya rasa kalau ini telah dibatalkan terus, apalah lagi hendak diadakan lesen ini dan saya percaya ini menyusahkan dan merugikan Kerajaan kerana terpaksa mengadakan lesen ini dan mengadakan pekerja pula. Lebih baik terus dibatalkan sahaja dan tidak payah mengambil Lesen lagi. Kalaupun ada peraturan ini, boleh dipinda ataupun diubah kepada keadaan yang lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kerjaraya saya berharap supaya jalan-jalan yang ada yang masih rosak, sebelum kita mengadakan lebuh raya-lebuh raya yang lebih besar, tetapi jalan-jalan yang perlu digunakan oleh penduduk-penduduk tempatan masih banyak lagi yang tidak diturap dan keadaan berlubang-lubang. Ada satu jalan yang saya lihat daripada simpang PELDA Tok Andak di Johor ke simpang FELDA di Tebrau yang panjangnya kira-kira 7 kilometer yang saya rasa

jalan ini boleh dikatakan kalau Bahasa Melayu dikatakan "jalan tampal seribu", bukan sahaja kain tampal seribu tetapi jalan tampal seribu. Daripada 10 tahun yang lampau, jalan ini sentiasa ditampal, ditampal dan ditampal, tidak ada satu projek untuk mengetarkan jalan ini secara yang lebih baik.

Dan di sini berlaku berbagai-bagai kemalangan, kerosakan, kenderaan pengguna-pengguna. Kalau mengikut peraturan jalanraya, pengguna boleh menyaman Kerajaan kerana kenderaan mereka rosak disebabkan kecuaiian pihak JKR sendiri. Tetapi setakat ini rakyat belum lagi melakukan tindakan ini hanya merayu dan merayu supaya jalan ini dapat diturap dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masa saya telah mengemukakan satu soalan kepada Kementerian ini supaya jalan-jalan di FELDA diperbaiki. Dan kita bersyukur kepada Kerajaan kerana telah meluluskan lebih kurang \$50 juta untuk jalan-jalan kampung di FELDA ini. Saya sukalah menarik perhatian di sini bahawa FELDA Pasir Raja di Johor merupakan satu rancangan FELDA yang agak lama lebih 20 tahun diwujudkan tetapi masih lagi jalan-jalannya tidak diturap dengan tar. Kalaulah Kerajaan hendak menjalankan projek ini seharusnya rancangan ini diberikan keutamaan dahulu. Begitu juga dengan jambatan-jambatan, masih terdapat lagi di Negeri Johor jambatan-jambatan daripada kayu yang masih lagi digunakan umpamanya daripada Endau Johor ke Kota Tinggi, kita masih terdapat lagi jambatan-jambatan kayu yang digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang kadangkala kalau musim banjir sangat membahayakan kepada pengguna-pengguna, Dan saya juga menjelajah jalan di Pantai Timur daripada Pahang ke Johor, saya tidak jumpa lagi di negeri tersebut jambatan-jambatan daripada kayu

tetapi di Negeri Johor masih ada lagi walaupun Johor agak lebih ke depan sedikit dari segi kemajuannya. Saya harap pihak Kementerian Kerjaraya akan dapat mengambil perhatian dalam hal-hal yang demikian.

Tuan, Yang di-Pertua, selain dari itu saya suka menyentuh Kementerian Kewangan berhubung dengan cukai pendapatan. Kita berterima kasih di atas usaha Kementerian ini bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sebanyak-banyak cukai pendapatan untuk tabung kewangan negara. Tetapi saya rasa pelek masih ada lagi pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri yang tidak faham kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya pernah mengunjungi pejabat yang berkenaan di Johor Bahru dan dia tidak tahu bahawa Ahli-ahli Dewan Negara juga adalah Ahli Parlimen yang dikecualikan daripada cukai pendapatan. Jadi, inilah yang saya berasa pelek, kalau boleh pegawai-pegawai yang berkenaan ini hendaklah tahu bahawa kami juga Ahli-ahli Parlimen ini termasuk juga Ahli, Dewan Negeri dan Dewan Rakyat dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mengucapkan tahniah kepada Ketua Hakim Negara di atas cadangan beliau untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan dan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa mahkamah. Tetapi saya dukacita sehingga ini reaksi daripada Majlis Peguam begitu sepi dan tidak memberi satu galakan pun. Apakah tindakan Kerajaan ke arah hasrat cita-cita Ketua Hakim Negara ini supaya dapat terlaksana kerana kita telah dengar bukanlah baru-baru ini soal Bahasa Malaysia di mahkamah ini diperjuangkan malah bertahun-tahun yang lalu, tetapi hasilnya masih di takuk lama juga. Dan apakah tindakan ahli-ahli bijak pandai kita dalam hal ini supaya.

benar-benar Bahasa Malaysia ini menjadi bahasa mahkamah yang tulin yang boleh setanding dengan bahasa-bahasa lain digunakan di mahkamah-mahkamah di negara-negara lain. Begitu juga hasrat daripada Ketua Hakim Negara supaya Common Law British dihapuskan secara berperingkat-peringkat. Dan ini sahajalah jalan untuk menjadikan Bahasa Malaysia kita ini benar-benar berfungsi di mahkamah-mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini jenayah perdagangan sentiasa berlaku dan beritanya dimuatkan di dada akhbar-akhbar, menjadikan rakyat takut dan gentar dengan hal-hal ini yang baru-baru ini melibatkan wang Bank Negara \$22.2 juta dilesapkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya berasa kesal mengapakah hal-hal seperti ini boleh berlaku sedangkan dari masa ke semasa kita telah menerima jenayah perdagangan ini bukan sekali dua, kita ingat skandal BMF di Hong Kong yang melibatkan Bank Bumiputra dan ini betul-betul menjolak mata bahawa berlaku kepada Bank Negara sendiri melibatkan 322.2 juta. Apakah ini terus-terusan berlaku dan menjadikan rakyat merasa begitu kecewa dengan apa yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada jaminan-jaminan pada masa yang akan datang tetapi apakah jaminan ini benar-benar boleh memberi jaminan supaya tidak berulang lagi peristiwa-peristiwa buruk seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Dewan Negara telah melahirkan masalah judi yang menjadi-jadi di negara ini. Baru-baru ini saya terbaca di akhbar-akhbar bahawa Menteri Kewangan sendiri mengatakan bahawa kelulusan lesen-lesen judi ini bukanlah di atas kelulusan Kementerian Kewangan sendiri, malah ia dikeluarkan oleh

setengah-setengah pegawai Kementerian. Apakah tindakan wajar harus diambil kepada pegawai-pegawai berkenaan ini yang saya rasa kalau tidak dibendung negara kita akan terkenal dengan negara judi. Saya berterima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee, seorang yang bukan Islam telah memuji cara dan tindakan atau pandangan Islam berkenaan dengan judi. Dan saya harap rakan-rakan kita daripada golongan Islam akan lebih memberikan tekanan kepada soal-soal judi yang begitu membimbangkan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jenayah perdagangan yang saya katakan tadi baru-baru ini telah muncul semula ganda wang anda. Ganda wang anda ini dahulu juga saya rasa telah menjadikan satu perkara yang begitu heboh dan mencemaskan orang kampung tetapi hari ini telah keluar satu trend baru ganda wang anda ini dengan bentuk baru. Ini juga saya rasa kalau pihak Polis tidak berhati-hati akhirnya nanti orang kampung juga yang akan menjadi mangsa, petani-petani yang berpendapatan rendah yang akan jadi mangsa, peneroka-peneroka FELDA juga akan menjadi mangsa, dan ini saya rasa harus mendapat perhatian yang lebih daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam. Saya ingin mengaitkan masalah otobeca roda tiga. Perkara ini dibangkitkan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara yang mulia ini tetapi nampaknya pihak Kerajaan masih bertahan tidak mahu untuk mengambil satu-satu keputusan. Saya merayu kepada Dewan yang mulia ini supaya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan satu peraturan ataupun meminda Undang-undang Peraturan Jalan 1985 supaya otobeca ini dapat diluluskan di jalan-jalanraya di negara ini, walaupun tidak di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Timbalan Tang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.